Saratok	44	433.3	1,320.5	Banana, Jackfruit, Rambutan

Source: Agriculture Census 2024



20 October

2016 - 2030



SARAWAK

PARAMETERS OF FRUIT CROPS BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	 NUMBER OF AGRICULTURE HOLDING	 PLANTED AREA (hectares)	 PRODUCTION QUANTITY (tonnes)	 MAIN FRUITS (Highest Production Quantity)
Sarikei	140	342.9	1,218.2	Durian, Watermelon, Guava
Maradong	130	692.7	1,635.3	Banana, Durian, Citrus
Daro	208	401.7	1,194.2	Banana, Rambutan, Cempedak
Julau	58	213.5	625.8	Durian, Rambutan, Cempedak
Sibu	645	1,247.2	3,695.9	Rambutan, Banana, Durian
Dalat	96	169.5	477.4	Rambutan, Cempedak, Durian
Mukah	212	371.9	1,257.8	Banana, Rambutan, Durian
Kanowit	904	2,884.2	5,788.4	Rambutan, Durian, Cempedak
Bintulu	18	135.4	560.8	Durian, Banana, Jackfruit
Tatau	91	181.0	265.5	Durian, Dabai, Rambutan
Kapit	367	880.1	816.7	Rambutan, Dabai, Durian
Song	365	1,404.5	3,482.8	Durian, Rambutan, Dabai
Belaga	206	864.3	2,800.9	Durian, Banana, Rambutan
Miri	94	145.1	1,569.7	Watermelon, Durian, Papaya
Marudi	7	46.1	124.7	Durian, Rambutan, Citrus
Limbang	1,071	2,697.5	7,946.6	Durian, Rambutan, Banana
Lawas	927	2,293.2	7,312.7	Durian, Cempedak, Rambutan
Matu	94	223.4	639.1	Rambutan, Watermelon, Banana

Source: Agriculture Census 2024





SARAWAK

PARAMETERS OF FRUIT CROPS BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	 NUMBER OF AGRICULTURE HOLDING	 PLANTED AREA (hectares)	 PRODUCTION QUANTITY (tonnes)	 MAIN FRUITS (Highest Production Quantity)
Asajaya	271	647.4	6,179.9	Banana, Watermelon, Durian
Pakan	8	23.4	115.1	Rambutan, Durian, Dragon fruit
Selangau	165	576.8	1,215.9	Banana, Guava, Rambutan
Tebedu	91	155.8	225.9	Durian, Banana, Jackfruit
Pusa	59	338.4	1,936.5	Banana, Rambutan, Guava
Kabong	16	263.6	1,043.4	Watermelon, Banana, Durian
Tanjung Manis	69	66.2	173.1	Watermelon, Rambutan, Cempedak
Sebauh	28	130.6	364.3	Durian, Cempedak, Mata Kucing/Longan
Bukit Mabong	15	142.4	199.6	Banana, Rambutan, Mata Kucing/Longan
Subis	522	1,402.0	2,861.9	Durian, Cempedak, Watermelon
Beluru	39	145.2	367.9	Durian, Banana, Citrus
Telang Usan	8	283.5	908.8	Durian, Cempedak, Rambutan
Gedong	41	69.6	503.6	Watermelon, Banana, Durian
Sebuyau	182	625.1	3,873.6	Banana, Durian, Watermelon
Siburan	147	316.6	337.6	Banana, Cempedak, Watermelon
Pantu	120	344.1	2,184.2	Rambutan, Banana, Durian
Lingga	52	213.0	565.1	Banana, Durian, Watermelon

Source: Agriculture Census 2024





SARAWAK

INCOME AND EXPENDITURE OF FRUIT CROPS BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	 SALES VALUE (RM million)	 INCOME (RM million)	 EXPENDITURE (RM million)
Kuching	27.62	48.70	20.58
Bau	10.52	11.44	4.49
Lundu	6.88	13.57	5.63
Samarahan	2.79	3.01	1.01
Serian	10.71	10.86	3.80
Simunjan	2.36	2.43	0.75
Sri Aman	5.45	5.98	2.14
Lubok Antu	2.18	2.39	0.93
Betong	6.35	6.45	2.55
Saratok	2.48	3.86	2.01
Sarikei	4.76	5.44	1.85
Maradong	4.12	15.05	6.95
Daro	3.74	9.27	4.22
Julau	2.40	2.42	0.77
Sibu	13.31	20.40	8.26

Source: Agriculture Census 2024





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



SARAWAK

INCOME AND EXPENDITURE OF FRUIT CROPS BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	 SALES VALUE (RM million)	 INCOME (RM million)	 EXPENDITURE (RM million)
Dalat	1.69	2.67	0.91
Mukah	3.68	15.31	3.84
Kanowit	27.34	75.70	34.47
Bintulu	1.99	2.05	0.78
Tatau	1.71	1.74	0.56
Kapit	5.59	11.22	4.86
Song	19.45	29.74	11.68
Belaga	9.96	16.21	7.02
Miri	4.70	7.04	2.62
Marudi	0.55	0.55	0.19
Limbang	30.07	33.98	12.87
Lawas	27.48	48.22	20.19
Matu	1.69	2.89	1.21
Asajaya	8.91	9.34	3.16
Pakan	0.47	0.47	0.16

Source: Agriculture Census 2024




@StatsMalaysia





SARAWAK

INCOME AND EXPENDITURE OF FRUIT CROPS BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	 SALES VALUE (RM million)	 INCOME (RM million)	 EXPENDITURE (RM million)
Selangau	3.51	10.85	5.13
Tebedu	0.92	0.95	0.33
Pusa	3.41	3.41	1.12
Kabong	2.71	16.31	7.87
Tanjung Manis	0.53	0.56	0.20
Sebauh	1.22	1.22	0.50
Bukit Mabong	0.59	0.61	0.21
Subis	11.15	17.53	7.17
Beluru	1.18	4.71	2.16
Telang Usan	3.91	3.91	1.46
Gedong	1.12	1.13	0.40
Sebuyau	8.18	9.52	3.27
Siburan	1.03	1.17	0.45
Pantu	3.71	14.26	6.89
Lingga	1.09	1.11	0.39

Source: Agriculture Census 2024





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



W.P. KUALA LUMPUR

PARAMETERS OF FRUIT CROPS

 Number of Agriculture Holding 100	
Individual	Establishment
19	81

 Planted Area (hectares) 1.1	
Individual	Establishment
1.1	-

 Production Quantity (tonnes) 7.2	
Individual	Establishment
7.2	-

 Sales Value (RM million) 19.88	
Individual	Establishment
19.88	-

 Income (RM million) 82.02	
Individual	Establishment
82.02	-

 Expenditure (RM million) 20.14	
Individual	Establishment
20.14	-

PARAMETERS OF THE TOP THREE FRUIT CROPS BY PRODUCTION QUANTITY

Type of Fruit	 Jackfruit	 Banana	 Watermelon
Number of Agriculture Holding	8	13	8
Planted Area (hectares)	0.4	0.1	0.1
Production Quantity (tonnes)	2.1	2.1	1.3
Sales Value (RM million)	3.97	3.32	6.84
Income (RM million)	5.97	35.75	14.14
Expenditure (RM million)	3.75	7.63	2.83


Source: Agriculture Census 2024





W.P. KUALA LUMPUR

PARAMETERS OF FRUIT CROPS, 2023



Number of Agriculture Holding
 Planted Area (hectares)
 Production Quantity (tonnes)
 Sales Value (RM million)

Main Fruits (Highest Production Quantity)
 Income (RM million)
 Expenditure (RM million)

Source: Agriculture Census 2024





W.P. LABUAN

PARAMETERS OF FRUIT CROPS

 Number of Agriculture Holding 226	
Individual	Establishment
221	5

 Planted Area (hectares) 254.9	
Individual	Establishment
244.5	10.4

 Production Quantity (tonnes) 1,616.1	
Individual	Establishment
1,532.5	83.5

 Sales Value (RM million) 8.03	
Individual	Establishment
7.10	0.93

 Income (RM million) 9.14	
Individual	Establishment
8.04	1.09

 Expenditure (RM million) 3.57	
Individual	Establishment
3.22	0.35

PARAMETERS OF THE TOP THREE FRUIT CROPS BY PRODUCTION QUANTITY

Type of Fruit	 Banana	 Durian	 Rambutan
Number of Agriculture Holding	72	41	83
Planted Area (hectares)	118.6	39.7	53.2
Production Quantity (tonnes)	510.2	359.8	351.6
Sales Value (RM million)	0.82	5.17	0.92
Income (RM million)	0.95	5.19	1.75
Expenditure (RM million)	0.39	1.91	0.77


Source: Agriculture Census 2024





W.P. LABUAN

PARAMETERS OF FRUIT CROPS, 2023



Number of Agriculture Holding
 Planted Area (hectares)
 Production Quantity (tonnes)
 Sales Value (RM million)

Main Fruits (Highest Production Quantity)
 Income (RM million)
 Expenditure (RM million)

Source: Agriculture Census 2024





W.P. PUTRAJAYA

PARAMETERS OF FRUIT CROPS

 Number of Agriculture Holding 20	
Individual	Establishment
17	3

 Planted Area (hectares) 1.3	
Individual	Establishment
0.9	0.4

 Production Quantity (tonnes) 15.0	
Individual	Establishment
8.2	6.8

 Sales Value (RM million) 32.87	
Individual	Establishment
17.87	15.00

 Income (RM million) 222.97	
Individual	Establishment
191.61	31.36

 Expenditure (RM million) 88.96	
Individual	Establishment
82.69	6.27

PARAMETERS OF THE TOP THREE FRUIT CROPS BY PRODUCTION QUANTITY


Type of Fruit	 Watermelon	 Banana	 Calamansi
Number of Agriculture Holding	5	2	2
Planted Area (hectares)	0.9	0.4	0.01
Production Quantity (tonnes)	8.2	6.7	0.1
Sales Value (RM million)	21.94	10.77	0.16
Income (RM million)	137.43	17.80	67.74
Expenditure (RM million)	54.78	4.69	29.50

Source: Agriculture Census 2024



W.P. PUTRAJAYA

PARAMETERS OF FRUIT CROPS, 2023



 Number of Agriculture Holding
  Planted Area (hectares)
  Production Quantity (tonnes)
  Sales Value (RM million)
  Main Fruits (Highest Production Quantity)
  Income (RM million)
  Expenditure (RM million)

Source: Agriculture Census 2024





PENEMUAN UTAMA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan Banci Pertanian 2024: Buah-buahan ini membentangkan parameter utama tanaman buah-buahan hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Terdapat 82 jenis buah-buahan telah dijumpaai semasa pelaksanaan banci ini.

Parameter yang dipaparkan dalam laporan ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti tanaman buah-buahan untuk tujuan jualan.

Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti tanaman buah-buahan merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat di mana pertubuhan berada.

Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan, nilai jualan, pendapatan dan perbelanjaan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi parameter ini adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman buah-buahan dijalankan.

Penerbitan ini membentangkan parameter utama tanaman buah-buahan kecuali nanas. Parameter utama nanas diterbitkan secara berasingan dalam Laporan Banci Pertanian 2024: Nanas.

Laporan Banci Pertanian 2024: Buah-buahan diterbitkan dalam dua jilid. Jilid kedua mengandungi jadual terperinci bagi 10 jenis buah-buahan teratas mengikut kuantiti pengeluaran.

2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025–2030 (PSKPKM), sektor agromakanan termasuk tanaman buah-buahan berperanan dalam meningkatkan pendapatan petani dan menyokong kesejahteraan komuniti luar bandar dan seterusnya menyumbang kepada kestabilan ekonomi luar bandar dan keterjaminan makanan negara. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi aktiviti tanaman buah-buahan di Malaysia pada tahun 2023 adalah RM5.23 bilion berbanding RM5.18 bilion pada tahun 2022. Berdasarkan laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia 2023 oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), tanaman buah-buahan adalah penyumbang terbesar kepada pengeluaran tanaman iaitu 46.2 peratus diikuti dengan tanaman sayur-sayuran (28.5%).



Kadar Sara Diri (SSR) bagi buah-buahan juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2023 iaitu 79.8 peratus berbanding 78.1 peratus pada tahun sebelumnya. Laporan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2020-2024 juga melaporkan 11 jenis buah-buahan telah merekodkan SSR melebihi 100.0 peratus pada 2023. SSR yang melebihi 100.0 peratus menunjukkan pengeluaran tempatan adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan domestik.

Jadual 1: Buah-buahan dengan Kadar Sara Diri (SSR) melebihi 100 peratus, Malaysia, 2023

Buah- buahan	SSR (%)
Langsat	135.3
Betik	131.8
Tembikai	131.4
Belimbing	120.0
Cempedak/ Nangka	109.4
Durian	103.9
Jambu batu	101.8
Rambutan	100.0

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023

Di samping itu, Kadar Kebergantungan Import (IDR) bagi mangga pada 2023 adalah 103.4 peratus, lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya (79.7%). Beberapa jenis buah-buahan terpilih lain turut merekodkan peningkatan nilai import bagi tahun 2023 berbanding 2022.

Jadual 2: Import Buah-buahan Terpilih, Malaysia, 2022-2023


Buah-buahan	2022	2023
	(tan metrik)	
Mangga	22,941.6	50,047.2
Pisang	19,535.4	35,456.7
Durian	6,802.0	18,928.2
Tembikai	7,905.4	10,907.8
Langsat	533.3	3,031.6
Betik	502.1	1,057.4
Cempedak/ Nangka	73.0	924.8

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, Malaysia, 2019-2023

3.0 PARAMETER TANAMAN BUAH-BUAHAN

Pada tahun 2023, aktiviti penanaman buah-buahan mencatatkan 90,104 pegangan pertanian melibatkan 87,729 pegangan pertanian individu (97.4%) dan 2,375 pegangan pertanian pertubuhan (2.6%). Keluasan bertanam yang direkodkan adalah seluas 186,484.3 hektar dengan keluasan bertuai seluas 156,916.0 hektar. Jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan adalah 1,791,089.9 tan metrik manakala kuantiti jualan direkodkan pada 1,294,628.4 tan metrik. Nilai jualan bagi tanaman buah-buahan telah direkodkan sebanyak RM12,686.41 juta setahun. Secara keseluruhannya, jumlah pendapatan tahunan bagi aktiviti penanaman buah-buahan adalah RM14,154.42 juta, manakala jumlah perbelanjaan tahunan direkodkan pada RM4,596.06 juta.

Paparan 1: Pegangan Pertanian Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023



Terengganu mencatatkan jumlah pegangan pertanian individu tertinggi di Malaysia dengan 17,609 orang (20.1%). Ini diikuti oleh Sabah dengan 13,802 pegangan (15.7%), Johor 12,320 orang (14.0%), Perak 12,176 orang (13.9%) dan Sarawak 9,484 orang (10.8%).

Muar, Johor merupakan daerah pentadbiran yang mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi dengan 3,724 orang atau sumbangan 4.2 peratus kepada jumlah keseluruhan pegangan pertanian individu pada tahun 2023. Ini diikuti oleh Kuala Terengganu, Terengganu dengan 3,383 orang (3.9%), Kuala Nerus, Terengganu 3,110 (3.5%), Marang, Terengganu 2,940 (3.4%) dan Batang Padang, Perak 2,489 (2.8%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor mencatatkan jumlah pegangan pertanian tertinggi dengan 526 pertubuhan (22.1%). Ini diikuti oleh Pahang dengan 433 pertubuhan (18.2%), Perak 259 pertubuhan (10.9%) dan Selangor 252 pertubuhan (10.6%).

Bentong, Pahang menunjukkan jumlah tertinggi dengan 130 pegangan (5.5%). Ini diikuti oleh Temerloh, Pahang yang merekodkan 117 pegangan (4.9%), Tangkak, Johor 89 (3.7%), Kinta, Perak 85 (3.6%) dan Muar, Johor dengan 82 pegangan pertubuhan (3.5%).

PENEMUAN UTAMA

Paparan 2: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023

		 Individu 87,729		 Pertubuhan 2,375	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	12,320	14.0	526	22.1
	Kedah	2,799	3.2	113	4.8
	Kelantan	5,712	6.5	28	1.2
	Melaka	1,114	1.3	131	5.5
	Negeri Sembilan	2,844	3.2	198	8.3
	Pahang	3,917	4.5	433	18.2
	Pulau Pinang	934	1.1	116	4.9
	Perak	12,176	13.9	259	10.9
	Perlis	2,914	3.3	36	1.5
	Selangor	1,847	2.1	252	10.6
	Terengganu	17,609	20.1	81	3.4
	Sabah	13,802	15.7	27	1.1
	Sarawak	9,484	10.8	86	3.6
	W.P. Kuala Lumpur	19	0.0	81	3.4
	W.P. Labuan	221	0.3	5	0.2
	W.P. Putrajaya	17	0.0	3	0.1

PENEMUAN UTAMA

Paparan 3: Lima Daerah Pentadbiran Teratas bagi Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

PEGANGAN PERTANIAN		INDIVIDU		PERTUBUHAN	
Muar, Johor	3,806	Muar, Johor	3,724	Bentong, Pahang	130
Kuala Terengganu, Terengganu	3,398	Kuala Terengganu, Terengganu	3,383	Temerloh, Pahang	117
Kuala Nerus, Terengganu	3,118	Kuala Nerus, Terengganu	3,110	Tangkak, Johor	89
Marang, Terengganu	2,952	Marang, Terengganu	2,940	Kinta, Perak	85
Batang Padang, Perak	2,516	Batang Padang, Perak	2,489	Muar, Johor	82

3.1 Jantina

Secara keseluruhan, pegangan pertanian individu dalam tanaman buah-buahan di Malaysia didominasi oleh lelaki iaitu 74,461 orang (84.9%). Manakala, pegangan pertanian individu perempuan

pula berjumlah 13,268 orang (15.1%). Semua negeri merekodkan bilangan pegangan pertanian individu lelaki lebih tinggi berbanding perempuan.

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Jantina, Malaysia, 2023




3.2 Kewarganegaraan

Tanaman buah-buahan di Malaysia diusahakan oleh pegangan pertanian individu berstatus warganegara iaitu 86,386 orang atau 98.5 peratus. Manakala, 1,343 (1.5%) orang pegangan pertanian individu berstatus bukan warganegara.


3.3 Kumpulan Etnik

Bumiputera merupakan kumpulan etnik terbesar dalam kalangan pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan iaitu 75,049 orang. Ini diikuti oleh kumpulan etnik Cina yang mencatatkan 10,023 orang, manakala etnik India dan lain-lain etnik berjumlah 758 orang dan 556 orang.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2023



Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Etnik, Malaysia, 2023




3.4 Kumpulan Umur

Lebih 40 peratus daripada pegangan pertanian individu tanaman buah-buahan berumur 60 tahun dan ke atas, iaitu seramai 37,517 orang (42.8%). Ini diikuti oleh mereka yang berumur 46-59 tahun (29,287 orang; 33.4%), 31- 45 tahun (17,886 orang; 20.4%), dan 15- 30 tahun (3,039 orang; 3.5%). Secara keseluruhan, pegangan pertanian individu yang berumur 31 tahun dan ke atas menyumbang kepada 96.6 peratus daripada jumlah pegangan pertanian buah-buahan.


3.5 Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu bagi tanaman buah-buahan majoritinya diusahakan oleh individu yang telah berkahwin, iaitu seramai 65,877 orang atau 75.1 peratus. Ini diikuti oleh golongan balu/ duda dengan jumlah 13,701 orang (15.6 peratus), manakala individu yang belum pernah berkahwin mencatatkan seramai 6,938 orang atau 7.9 peratus.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023



Paparan 8: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023




3.6 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu bagi tanaman buah-buahan mencatatkan peratusan tertinggi dalam kalangan individu berkelulusan menengah, iaitu seramai 35,458 orang atau 40.4 peratus pada tahun 2023. Ini diikuti oleh pegangan pertanian individu berkelulusan rendah seramai 24,812 orang (28.3%) serta individu yang

tidak mempunyai sebarang sijil pendidikan, iaitu 18,115 orang (20.6%). Sementara itu, seramai 9,344 orang atau 10.7 peratus pegangan pertanian individu memiliki kelayakan pendidikan tertiar, yang berpotensi menyumbang kepada penerapan amalan pengurusan tanaman buah-buahan yang lebih moden dan inovatif.


Paparan 9: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Buah-buahan mengikut Sijil Tertinggi, Malaysia, 2023



4.0 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam bagi tanaman buah-buahan pada tahun 2023 direkodkan seluas 186,484.3 hektar dengan 77.3 peratus disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (144,148.1 hektar). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 22.7 peratus iaitu 42,336.2 hektar daripada jumlah keluasan bertanam.

Paparan 10: Keluasan Bertanam Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023




Durian

merekodkan keluasan bertanam dan bertuai terbesar masing-masing seluas **94,801.9** hektar dan **81,828.9** hektar


Johor

mencatatkan keluasan bertanam durian terbesar iaitu **24,144.0** hektar, **25.5%** daripada keluasan bertanam durian Malaysia



55.9%

keluasan bertanam
buah-buahan
di bawah pegangan
pertanian pertubuhan
di Malaysia tertumpu
di **Johor** dan
Pahang




Johor merekodkan keluasan bertanam buah-buahan tertinggi iaitu 39,393.5 hektar di mana 75.2 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (29,638.8 hektar). Ini diikuti oleh Pahang 29,974.7 hektar, Sarawak 27,389.1 hektar, Sabah 19,205.5 hektar dan Kelantan 16,409.1 hektar. Kelima-lima negeri ini menyumbang 71.0 peratus kepada keseluruhan keluasan bertanam tanaman buah-buahan di Malaysia.

Dari segi pegangan pertanian individu, Johor mendahului dengan keluasan bertanam terbesar iaitu 29,638.8 hektar. Ini diikuti oleh Sarawak 26,464.9 hektar, Sabah 18,958.2 hektar, Pahang 16,073.2 hektar dan Kelantan 14,142.6 hektar.

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan keluasan bertanam terbesar 13,901.5 hektar. Ini diikuti oleh Johor 9,754.7 hektar, Perak 4,152.5 hektar, Kedah 3,170.0 hektar dan Negeri Sembilan 2,558.2 hektar.

Paparan 11: Keluasan Bertanam Tanaman Buah-buahan Mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



Paparan 12: Keluasan Bertanam bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023

(hektar)

		 Individu 144,148.1		 Pertubuhan 42,336.2	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	29,638.8	20.6	9,754.7	23.0
	Kedah	7,171.8	5.0	3,170.0	7.5
	Kelantan	14,142.6	9.8	2,266.4	5.4
	Melaka	5,930.9	4.1	2,216.1	5.2
	Negeri Sembilan	4,471.3	3.1	2,558.2	6.0
	Pahang	16,073.2	11.2	13,901.5	32.8
	Pulau Pinang	2,243.0	1.6	328.0	0.8
	Perak	7,353.6	5.1	4,152.5	9.8
	Perlis	1,307.6	0.9	94.6	0.2
	Selangor	2,418.3	1.7	1,838.7	4.3
	Terengganu	7,727.4	5.4	873.3	2.1
	Sabah	18,958.2	13.2	247.3	0.6
	Sarawak	26,464.9	18.4	924.2	2.2
	W.P. Kuala Lumpur	1.1	0.0	-	-
	W.P. Labuan	244.5	0.2	10.4	0.0
	W.P. Putrajaya	0.9	0.0	0.4	0.0

PENEMUAN UTAMA


Raub, Pahang mencatatkan jumlah keluasan bertanam terbesar seluas 14,814.9 hektar (7.9%). Ini diikuti oleh Segamat, Batu Pahat dan Tangkak, Johor masing-masing merekodkan 10,237.2 hektar (5.5%), 8,662.2 hektar (4.7%), dan 6,095.1 hektar (3.3%) serta Jeli, Kelantan 5,352.0 hektar (2.9%).

Dari segi pegangan pertanian individu, Segamat, Johor merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 8,361.7 hektar (5.8%). Ini diikuti oleh Raub, Pahang dengan 6,764.4 hektar (4.7%), Batu Pahat,

Johor 6,075.6 hektar (4.2%), Jeli, Kelantan 5,316.5 hektar (3.7%) dan Tangkak, Johor 4,757.5 hektar (3.3%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah dengan keluasan bertanam terbesar direkodkan oleh Raub, Pahang 8,050.5 hektar (19.0%). Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor dengan keluasan bertanam seluas 2,586.6 hektar (6.1%), Temerloh, Pahang 2,185.7 hektar (5.2%), Segamat, Johor 1,875.5 hektar (4.4%) serta Larut dan Matang, Perak 1,757.1 hektar (4.2%).

Paparan 13: Keluasan Bertanam bagi Tanaman Buah-buahan Mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

5.0 KELUASAN BERTUAI

Jumlah keluasan bertuai bagi tanaman buah-buahan adalah seluas 156,916.0 hektar. Sumbangan terbesar kepada keluasan bertuai direkodkan oleh pegangan pertanian individu yang menyumbang seluas 116,228.6 hektar (74.1%). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang seluas 40,687.4 hektar (25.9%) kepada keluasan bertuai.

Paparan 14: Keluasan Bertuai Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023



Lima negeri menyumbang 66.9 peratus daripada keluasan bertuai tanaman buah-buahan di Malaysia iaitu Johor (35,582.9 hektar; 22.7%), Pahang (25,000.6 hektar; 15.9%), Sabah (15,976.1 hektar; 10.2%), Kelantan (14,900.0 hektar; 9.5%) dan Sarawak (13,577.4 hektar; 8.7%).

Johor mencatat keluasan bertuai buah-buahan tertinggi dalam kalangan pegangan pertanian individu **(22.4%)**, manakala **Pahang** muncul sebagai penyumbang terbesar bagi pegangan pertanian pertubuhan dengan **32.1%**






Lebih separuh
keluasan bertuai
mangga di
Malaysia
(57.8 %)
direkodkan
di **Perlis**

Dari segi pegangan pertanian individu, Johor merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu (26,052.2 hektar; 22.4%). Ini diikuti oleh Sabah (15,745.6 hektar; 13.5%), Kelantan (12,878.9 hektar; 11.1%) Sarawak (12,739.1 hektar; 11.0%) dan Pahang (11,935.2 hektar; 10.3%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan keluasan bertuai terbesar seluas (13,065.4 hektar; 8.3%). Ini diikuti oleh Johor dengan (9,530.8 hektar; 6.1%), Perak (4,137.9 hektar; 2.6%), Kedah (3,044.9 hektar; 1.9%) dan Negeri Sembilan (2,523.2 hektar; 1.6%).

Paparan 15: Keluasan Bertuai Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



PENEMUAN UTAMA

Paparan 16: Keluasan Bertuai bagi Tanaman Buah-buahan Mengikut Negeri, Malaysia, 2023

(hektar)

		 Individu 116,228.6		 Pertubuhan 40,684.4	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	26,052.2	22.4	9,530.8	23.4
	Kedah	6,653.2	5.7	3,044.9	7.5
	Kelantan	12,878.9	11.1	2,021.0	5.0
	Melaka	5,695.1	4.9	2,203.2	5.4
	Negeri Sembilan	4,267.0	3.7	2,523.2	6.2
	Pahang	11,935.2	10.3	13,065.4	32.1
	Pulau Pinang	2,112.8	1.8	307.3	0.8
	Perak	7,178.5	6.2	4,137.9	10.2
	Perlis	1,256.8	1.1	94.5	0.2
	Selangor	2,288.6	2.0	1,806.5	4.4
	Terengganu	7,201.6	6.20	873.3	2.2
	Sabah	15,745.6	13.6	230.5	0.6
	Sarawak	12,739.1	11.0	838.3	2.1
	W.P. Kuala Lumpur	0.7	0.0	-	-
	W.P. Labuan	222.3	0.2	10.4	0.0
	W.P. Putrajaya	0.9	0.0	0.4	0.0

PENEMUAN UTAMA


Raub, Pahang mencatatkan jumlah keluasan bertuai terbesar seluas 11,874.6 hektar. Ini diikuti oleh, Segamat, Johor dengan 9,588.9 hektar, Batu Pahat, Johor 7,668.9 hektar, Tangkak, Johor 5,514.4 hektar dan Jeli, Kelantan 4,916.1 hektar.

Segamat, Johor merekodkan keluasan bertuai tertinggi bagi pegangan pertanian individu iaitu 7,790.5 hektar (6.7%). Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor 5,171.1 hektar (4.5%), Jeli, Kelantan 4,880.6 hektar (4.2%) Raub,

Pahang 4,520.5 hektar (3.9%), dan Tangkak, Johor 4,231.3 hektar (3.6%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, daerah dengan keluasan bertuai tertinggi direkodkan oleh Raub, Pahang seluas 7,354.1 hektar (18.1%). Ini diikuti oleh, Batu Pahat, Johor dengan 2,497.8 hektar (6.1%), Temerloh, Pahang 2,103.2 hektar (5.2%), Segamat, Johor 1,798.4 hektar (4.4%) serta Larut dan Matang, Perak 1,756.0 hektar (4.3%).

Paparan 17: Keluasan Bertuai bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

6.0 KUANTITI PENGELUARAN

Jumlah kuantiti pengeluaran tanaman buah-buahan pada tahun 2023 adalah 1,791,089.9 tan metrik, dimana 70.3 peratus daripadanya adalah disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (1,259,093.0 tan metrik). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 29.7 peratus atau 531,996.9 tan metrik.

Paparan 18: Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

(tan metrik)



Johor merekodkan jumlah kuantiti pengeluaran buah-buahan tertinggi di Malaysia dengan 563,392.6 tan metrik (31.5%). Ini diikuti oleh Pahang dengan (241,742.6 tan metrik; 13.5%), Kelantan (199,766.9 tan metrik; 11.2%), Perak (156,964.6 tan metrik; 8.8%) dan Sabah (140,171.9 tan metrik; 7.8%). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 72.7 peratus kepada keseluruhan pengeluaran tanaman buah-buahan di Malaysia.


Durian
mencatatkan
kuantiti pengeluaran
44.3%,
hampir separuh
daripada jumlah
keseluruhan
pengeluaran
buah-buahan
negara



Bagi pegangan pertanian individu, Johor kekal sebagai penyumbang terbesar dengan sumbangan 30.0 peratus (377,880.6 tan metrik). Ini diikuti dengan Kelantan, Sabah, Perak dan Pahang, masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran berjumlah (171,332.2 tan metrik; 13.6%), (137,580.4 tan metrik; 10.9%), (111,098.3 tan metrik; 8.8%) dan (110,593.6 tan metrik; 8.8%).

Johor mencatatkan kuantiti pengeluaran tertinggi iaitu 185,512.1 tan metrik, mewakili 34.9 peratus daripada jumlah keseluruhan pegangan pertanian pertubuhan. Ini diikuti dengan Pahang iaitu 131,148.9 tan metrik (24.7%), Perak, Negeri Sembilan dan Selangor masing-masing merekodkan (45,866.3 tan metrik; 8.6%), (32,205.6 tan metrik; 6.1%) dan (31,461.3 tan metrik; 5.9%).

Paparan 19: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



PENEMUAN UTAMA

Paparan 20: Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023

(tan metrik)

		 Individu 1,259,093.0		 Pertubuhan 531,996.9	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	377,880.6	30.0	185,512.1	34.9
	Kedah	64,827.1	5.1	27,151.3	5.1
	Kelantan	171,332.2	13.6	28,434.7	5.3
	Melaka	29,605.0	2.4	27,924.2	5.2
	Negeri Sembilan	49,902.2	4.0	32,205.6	6.1
	Pahang	110,593.6	8.8	131,148.9	24.7
	Pulau Pinang	23,376.6	1.9	4,331.3	0.8
	Perak	111,098.3	8.8	45,866.3	8.6
	Perlis	5,273.6	0.4	907.3	0.2
	Selangor	37,847.2	3.0	31,461.3	5.9
	Terengganu	58,131.7	4.6	7,396.9	1.4
	Sabah	137,580.4	10.9	2,591.6	0.5
	Sarawak	80,096.6	6.4	6,975.2	1.3
	W.P. Kuala Lumpur	7.1	0.0	-	-
	W.P. Labuan	1,532.5	0.1	83.5	0.0
	W.P. Putrajaya	8.2	0.0	6.8	0.0

Batu Pahat, Johor mencatatkan jumlah pengeluaran buah-buahan tertinggi dengan 166,371.2 tan metrik (9.3%). Ini diikuti oleh Raub, Pahang (132,231.5 tan metrik; 7.4%), Tangkak, Johor (118,528.5 tan metrik; 6.6%), Kluang, Johor (65,407.6 tan metrik; 3.7%) dan Muar, Johor (59,290.9 tan metrik; 3.3%).


Bagi pegangan pertanian individu, Batu Pahat, Johor kekal sebagai penyumbang terbesar dengan 99,143.4 tan metrik (7.9%). Ini diikuti oleh Tangkak, Johor (83,309.9 tan metrik; 6.6%) dan Raub, Pahang (48,021.8 tan metrik; 3.8%). Kuantiti pengeluaran buah-buahan di Kluang, Johor

dan Jeli, Kelantan masing-masing direkodkan sebanyak 45,369.1 tan metrik (3.6%) dan 41,885.0 tan metrik (3.3%).

Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, kuantiti pengeluaran tertinggi direkodkan di Raub, Pahang iaitu 84,209.7 tan metrik (15.8%), diikuti dengan daerah pentadbiran di Johor iaitu Batu Pahat (67,227.9 tan metrik; 12.6%), Tangkak (35,218.6 tan metrik; 6.6%), Muar (22,516.2 tan metrik; 4.2%) dan Kota Tinggi (20,509.4 tan metrik; 3.9%).

Paparan 21: Kuantiti Pengeluaran bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

(tan metrik)



Petunjuk:



Individu



Pertubuhan


Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

7.0 KUANTITI JUALAN


Jumlah kuantiti jualan tanaman buah-buahan adalah 1,294,628.4 tan metrik di mana 64.7 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (837,990.4 tan metrik). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang 35.3 peratus kepada kuantiti jualan buah-buahan iaitu 456,638.0 tan metrik.

Paparan 22: Kuantiti Jualan mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

(tan metrik)



Johor
mencatat
kuantiti jualan
buah-buahan
tertinggi dalam
kalangan
pegangan pertanian
individu **(23.4%)** dan
pertubuhan **(34.4%)**




Hampir **70%**
kuantiti jualan
Buah Naga
dicatatkan oleh
Selangor dan
Johor

Johor mencatatkan jumlah kuantiti jualan tertinggi iaitu 353,272.0 tan metrik (27.3%). Ini diikuti oleh Pahang 199,978.5 tan metrik (15.4%), Kelantan 151,381.7 tan metrik (11.7%), Perak 110,534.3 tan metrik (8.5%) dan Sabah 108,918.4 tan metrik (8.4%). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 71.4 peratus kepada keseluruhan kuantiti jualan tanaman buah-buahan di Malaysia.

Seterusnya, dari segi pegangan pertanian individu, Johor kekal sebagai negeri teratas dengan 196,046.5 tan metrik (23.4%). Ini diikuti dengan Kelantan 126,194.0 tan metrik (15.1%), Sabah 106,627.0 tan metrik (12.7%), Pahang 88,723.7 tan metrik (10.6%) dan Perak 70,683.2 tan metrik (8.4%).

Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Johor turut merekodkan jumlah kuantiti jualan tertinggi iaitu 157,225.5 tan metrik (34.4%). Ini diikuti oleh Pahang 111,254.8 tan metrik (24.4%), Perak 39,851.0 tan metrik (8.7%), Negeri Sembilan 27,079.7 tan metrik (5.9%) dan Selangor 26,265.0 tan metrik (5.8%).

Paparan 23: Kuantiti Jualan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



PENEMUAN UTAMA

Paparan 24: Kuantiti Jualan bagi Tanaman Buah-Buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023

(tan metrik)



Individu
837,990.4



Pertubuhan
456,638.0

Negeri	Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
 Johor	196,046.5	23.4	157,225.5	34.4
 Kedah	48,065.0	5.7	23,745.6	5.2
 Kelantan	126,194.0	15.1	25,187.7	5.5
 Melaka	22,356.5	2.7	26,186.2	5.7
 Negeri Sembilan	27,660.3	3.3	27,079.7	5.9
 Pahang	88,723.7	10.6	111,254.8	24.4
 Pulau Pinang	15,207.3	1.8	3,755.0	0.8
 Perak	70,683.2	8.4	39,851.0	8.7
 Perlis	2,999.5	0.4	740.5	0.2
 Selangor	24,983.7	3.0	26,265.0	5.8
 Terengganu	46,529.5	5.6	6,745.0	1.5
 Sabah	106,627.0	12.7	2,291.5	0.5
 Sarawak	60,700.9	7.2	6,228.1	1.4
 W.P. Kuala Lumpur	5.6	0.0	-	-
 W.P. Labuan	1,201.0	0.1	77.9	0.0
 W.P. Putrajaya	6.7	0.0	4.5	0.0

PENEMUAN UTAMA

Raub, Pahang merupakan daerah pentadbiran yang mencatatkan jumlah kuantiti jualan tanaman buah-buahan tertinggi dengan 112,769.5 tan metrik (8.7%). Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor 106,459.1 tan metrik (8.2%), Tangkak, Johor 67,905.8 tan metrik (5.2%), Kluang, Johor 39,284.8 tan metrik (3.0%) dan Segamat, Johor 39,235.5 tan metrik (3.0%).


Dari segi pegangan pertanian individu, Batu Pahat, Johor merupakan daerah pentadbiran dengan jumlah kuantiti jualan tertinggi iaitu 50,108.7 tan metrik (6.0%). Ini disusuli dengan Raub, Pahang 41,686.0 tan metrik (5.0%) dan Tangkak,

Johor 37,768.1 tan metrik (4.5%). Jeli dan Bachok di Kelantan turut melengkapkan senarai lima daerah pentadbiran teratas masing-masing dengan 31,108.4 tan metrik (3.7%) dan 29,337.5 tan metrik (3.5%).

Bagi pegangan pertanian pertubuhan, Raub, Pahang mendahului dengan jumlah kuantiti jualan sebanyak 71,083.6 tan metrik (15.6%). Ini diikuti dengan Batu Pahat, Johor yang merekodkan kuantiti jualan sebanyak 56,350.4 tan metrik (12.3%), Tangkak, Johor 30,137.6 tan metrik (6.6%), Muar, Johor 20,122.7 tan metrik (4.4%) dan Alor Gajah, Melaka 18,955.1 tan metrik (4.2%).

Paparan 25: Kuantiti Jualan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023

(tan metrik)



Petunjuk:



Individu



Pertubuhan


Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

8.0 NILAI JUALAN

Jumlah nilai jualan tanaman buah-buahan adalah RM12,686.41 juta, 61.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM7,757.00 juta). Manakala pegangan pertanian pertubuhan pula menyumbang 38.9 peratus kepada jumlah nilai jualan tanaman buah-buahan iaitu RM4,929.41 juta.

Paparan 26: Nilai Jualan bagi Tanaman Buah-buahan Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia, 2023

(RM juta)



Johor

mendominasi nilai jualan tanaman buah-buahan individu iaitu

RM3,025.81 juta
atau **39.0%**

Pahang

merekodkan nilai jualan tertinggi bagi pegangan pertanian pertubuhan, berjumlah

RM1,567.85 juta,
atau **31.8%**




Johor merupakan penyumbang terbesar bagi nilai jualan tanaman buah-buahan iaitu RM4,559.50 juta (35.9%). Ini disusuli dengan Pahang RM2,319.62 juta (18.3%), Kelantan RM1,313.49 juta (10.4%), Kedah RM902.21 juta (7.1%) dan Perak RM643.96 juta (5.1%). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 76.8 peratus kepada keseluruhan nilai jualan tanaman buah-buahan di Malaysia.

Bagi pegangan pertanian individu, Johor menerajui nilai jualan dengan RM3,025.81 juta (39.0%). Ini diikuti dengan Kelantan RM953.18 juta (12.3%), Pahang RM751.77 juta (9.7%), Kedah RM520.80 juta (6.7%), dan Sabah berjumlah RM466.59 juta (6.0%).

Manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan, Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM1,567.85 juta (31.8%). Ini diikuti oleh Johor dengan RM1,533.70 juta (31.1%). Kedah mencapai RM381.42 juta (7.7%), manakala Kelantan dan Perak masing-masing merekodkan RM360.31 juta (7.3%) dan RM312.02 juta (6.3%).

Paparan 27: Nilai Jualan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Negeri Teratas, 2023



PENEMUAN UTAMA

Paparan 28: Nilai Jualan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023

(RM juta)

		 Individu 7,757.00		 Pertubuhan 4,929.41	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	3,025.81	39.0	1,533.70	31.1
	Kedah	520.80	6.7	381.41	7.7
	Kelantan	953.18	12.3	360.31	7.3
	Melaka	217.71	2.8	143.38	2.9
	Negeri Sembilan	313.28	4.0	298.85	6.1
	Pahang	751.77	9.7	1,567.85	31.8
	Pulau Pinang	325.31	4.2	61.30	1.2
	Perak	331.94	4.3	312.02	6.3
	Perlis	39.80	0.5	2.86	0.1
	Selangor	187.02	2.4	187.46	3.8
	Terengganu	341.46	4.4	48.20	1.0
	Sabah	466.59	6.0	11.12	0.2
	Sarawak	275.20	3.5	20.01	0.4
	W.P. Kuala Lumpur	0.02	0.0	-	-
	W.P. Labuan	7.10	0.1	0.93	0.0
	W.P. Putrajaya	0.02	0.0	0.02	0.0

PENEMUAN UTAMA


Raub, Pahang mencatatkan nilai jualan tanaman buah-buahan tertinggi iaitu RM1,811.13 juta (14.3%). Ini diikuti dengan Tangkak, Johor RM1,033.02 juta (8.1%), Batu Pahat, Johor RM938.51 juta (7.4%), Muar, Johor RM784.37 juta (6.2%) dan Kluang, Johor RM585.79 juta (4.6%).

Bagi pegangan pertanian individu, Tangkak, Johor mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu RM700.44 juta (9.0%). Ini diikuti oleh Batu Pahat, Johor RM627.92 juta (8.1%), Raub,

Pahang RM534.94 juta (6.9%), Kluang, Johor RM481.03 juta (6.2%), dan Segamat, Johor RM464.55 juta (6.0%).

Sementara itu, bagi pegangan pertanian pertubuhan, Raub, Pahang merekodkan nilai jualan tertinggi iaitu RM1,276.19 juta (25.9%). Ini diikuti oleh Muar, Johor RM478.20 juta (9.7%), Tangkak, Johor RM332.58 juta (6.7%), Batu Pahat, Johor RM310.59 juta (6.3%), dan Larut dan Matang, Perak RM196.49 juta (4.0%).

Paparan 29: Nilai Jualan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

9.0 PENDAPATAN


Jumlah pendapatan tahunan bagi aktiviti penanaman buah-buahan pada tahun 2023 adalah RM14,154.42 juta, di mana 62.7 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM8,869.38 juta). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 37.3 peratus atau RM5,285.05.

Paparan 30: Pendapatan Tanaman Buah-buahan Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia 2023



Pisang, Tembikai dan Limau Kasturi merupakan tiga jenis buah-buahan yang ditanam di setiap negeri






Durian merekodkan jumlah pendapatan tertinggi berbanding buah-buahan lain iaitu **RM11.68** bilion, menyumbang **82.5%** kepada keseluruhan pendapatan

Johor mencatatkan pendapatan tahunan tertinggi iaitu RM4,614.53 juta (32.6%). Seterusnya, Pahang merekodkan jumlah pendapatan tahunan kedua tertinggi iaitu RM2,363.50 juta (16.7%). Ini diikuti oleh Kelantan, RM1,390.39 juta (9.8%), Kedah RM1,174.87 juta (8.3%) dan Sabah RM759.81 juta (5.4%). Kelima-lima negeri ini menyumbang kepada 72.8 peratus kepada keseluruhan pendapatan tahunan tanaman buah-buahan di Malaysia.

Paparan 31: Pendapatan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023 (RM juta)



PENEMUAN UTAMA

Paparan 32: Pendapatan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia 2023

(RM juta)


		 Individu 8,869.38		 Pertubuhan 5,285.05	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	3, 041.21	34.3	1, 573.32	29.8
	Kedah	782.13	8.8	392.75	7.4
	Kelantan	983.43	11.1	406.96	7.7
	Melaka	224.16	2.5	249.05	4.7
	Negeri Sembilan	425.02	4.8	312.32	5.9
	Pahang	759.44	8.6	1,604.06	30.4
	Pulau Pinang	326.06	3.7	63.90	1.2
	Perak	340.59	3.8	319.29	6.0
	Perlis	103.46	1.2	2.87	0.1
	Selangor	259.04	2.9	240.09	4.5
	Terengganu	416.68	4.7	53.69	1.0
	Sabah	729.91	8.2	29.90	0.6
	Sarawak	469.94	5.3	35.71	0.7
	W.P. Kuala Lumpur	0.08	0.0	-	-
	W.P Labuan	8.04	0.1	1.09	0.0
	W.P Putrajaya	0.19	0.0	0.03	0.1

PENEMUAN UTAMA

Raub, Pahang mencatatkan jumlah pendapatan tahunan tanaman buah-buahan tertinggi di Malaysia iaitu RM1,813.97 juta (12.8%). Ini diikuti dengan Tangkak, Johor

RM1,046.95 juta (7.4%) dan Batu Pahat, Johor RM956.84 juta (6.8%), Muar, Johor RM785.35 juta (5.5%) dan Kluang, Johor RM587.09 juta (4.1%).

Paparan 33: Pendapatan Tanaman Buah-buahan mengikut Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

10.0 PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan tahunan bagi aktiviti penanaman buah-buahan pada tahun 2023 adalah RM4,596.06 juta, di mana 62.9 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian individu (RM2,890.65). Manakala, pegangan pertanian pertubuhan menyumbang 37.1 peratus atau RM1,705.40 juta.

Paparan 34: Perbelanjaan bagi Tanaman Buah-buahan Teratas Mengikut Pegangan Pertanian, Malaysia 2023

(RM juta)




Durian
mencatat
perbelanjaan
RM3.60 bilion,
menyumbang
78.3% kepada
keseluruhan
perbelanjaan



Perbelanjaan untuk aktiviti penanaman buah-buahan tertinggi direkodkan di **Johor**, iaitu **79.6%** bagi pegangan pertanian individu dan **76.1%** bagi pegangan pertanian pertubuhan.

Johor mencatatkan perbelanjaan tahunan tertinggi iaitu RM1,393.07 juta (30.3%). Seterusnya, Pahang merekodkan jumlah perbelanjaan tahunan kedua tertinggi iaitu RM719.22 juta (15.6%). Ini diikuti oleh Kelantan merekodkan perbelanjaan sebanyak RM435.18 juta (9.5%), Kedah RM372.01 juta (8.1%) dan Sabah RM309.66 juta (6.7%).

Paparan 35: Perbelanjaan bagi Tanaman Buah-buahan Mengikut Lima Negeri Teratas, Malaysia, 2023



PENEMUAN UTAMA

Paparan 36: Perbelanjaan bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia 2023

(RM juta)

		 Individu 2,890.65		 Pertubuhan 1,705.40	
Negeri		Individu	Peratus (%)	Pertubuhan	Peratus (%)
	Johor	873.00	30.2	520.08	30.5
	Kedah	271.97	9.4	100.05	5.9
	Kelantan	295.76	10.2	139.41	8.2
	Melaka	82.67	2.9	72.51	4.3
	Negeri Sembilan	134.42	4.7	110.60	6.5
	Pahang	218.00	7.5	501.22	29.4
	Pulau Pinang	95.75	3.3	22.37	1.3
	Perak	131.59	4.6	93.49	5.5
	Perlis	45.35	1.6	1.49	0.1
	Selangor	90.70	3.1	101.63	6.0
	Terengganu	156.31	5.4	16.34	1.0
	Sabah	295.16	10.2	14.49	0.8
	Sarawak	196.64	6.8	11.37	0.7
	W.P. Kuala Lumpur	0.02	0.0	-	-
	W.P. Labuan	3.22	0.1	0.35	0.0
	W.P. Putrajaya	0.08	0.0	0.01	0.0


PENEMUAN UTAMA

Raub, Pahang mencatatkan jumlah perbelanjaan tahunan tanaman buah-buahan tertinggi di Malaysia iaitu RM529.17 juta (11.5%). Ini diikuti dengan Tangkak, Johor

RM354.30 juta (7.7%) dan Batu Pahat, Johor RM337.23 juta (7.3%), Muar, Johor RM192.91 juta (4.2%) dan Segamat, Johor RM178.20 juta (3.9%).

Paparan 37: Perbelanjaan bagi Tanaman Buah-buahan bagi Lima Daerah Pentadbiran Teratas, Malaysia 2023

(RM juta)



Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

11.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN DURIAN

Tanaman durian kekal sebagai antara komoditi buah-buahan utama negara, melibatkan sebanyak 33,283 pegangan pertanian yang merangkumi 32,196 pegangan individu dan 1,087 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 94,801.9 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan kuantiti pengeluaran sebanyak 793,683.2 tan metrik.

Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran durian telah menjana nilai jualan berjumlah RM10,534.51 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM11,678.62 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM3,599.42 juta.


Bagi prestasi negeri, Johor, Kelantan, dan Pahang muncul sebagai tiga pengeluar utama durian di Malaysia. Johor mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 295,613.3 tan metrik, diikuti oleh Kelantan dengan 146,718.1 tan metrik, dan Pahang sebanyak 72,306.8 tan metrik.



Secara keseluruhan, ketiga-tiga negeri ini menyumbang sebanyak 514,638.3 tan metrik kepada jumlah pengeluaran nasional.

Di peringkat daerah pula, Raub, Pahang merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 119,830.0 tan metrik, manakala daerah Tangkak dan Batu Pahat, Johor masing-masing mencatatkan 73,954.0 tan metrik dan 61,723.3 tan metrik.

Paparan 38: Parameter Utama Tanaman Durian, Malaysia, 2023



12.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN PISANG

Tanaman pisang melibatkan sebanyak 26,215 pegangan pertanian, merangkumi 25,815 pegangan pertanian individu dan 400 pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi keluasan, tanaman ini meliputi 33,762.4 hektar kawasan bertanam, dengan jumlah kuantiti pengeluaran yang direkodkan sebanyak 397,256.1 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran pisang telah menjana nilai jualan berjumlah RM640.15 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM672.18 juta, berbanding jumlah perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak RM226.51 juta yang menunjukkan prestasi ekonomi yang positif.

Dari segi prestasi negeri, Johor, Sabah dan Pahang muncul sebagai tiga negeri pengeluar utama pisang di Malaysia. Johor mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 114,503.1 tan metrik, diikuti oleh Sabah sebanyak 57,714.9 tan metrik dan Pahang dengan 47,267.7 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Batu Pahat, Johor merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu 51,410.9 tan metrik. Sementara itu, Pontian dan Tangkak, yang juga terletak di Johor, masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 16,331.1 tan metrik dan 15,883.3 tan metrik.

Paparan 39: Parameter Utama Tanaman Pisang, Malaysia, 2023



13.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN TEMBIKAI

Tanaman tembikai melibatkan sebanyak 2,346 pegangan pertanian, merangkumi 2,148 pegangan pertanian individu dan 198 pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi keluasan, tanaman ini meliputi 9,504.8 hektar kawasan bertanam, dengan jumlah kuantiti pengeluaran yang direkodkan sebanyak 174,218.9 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran tembikai telah menjana nilai jualan berjumlah RM383.71 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM523.97 juta, berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM179.91 juta, yang menunjukkan prestasi ekonomi yang positif dan berdaya saing.

Dari segi prestasi negeri, Kelantan, Johor dan Terengganu muncul sebagai tiga negeri pengeluar utama tembikai di Malaysia. Kelantan mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 56,665.1 tan metrik, diikuti oleh Johor sebanyak 19,704.2 tan metrik dan Terengganu dengan 17,606.3 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Bachok, Kelantan merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu 30,490.0 tan metrik. Sementara itu, Alor Gajah, Melaka dan Rompin, Pahang masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 15,967.2 tan metrik dan 11,298.1 tan metrik.

Paparan 40: Parameter Utama Tanaman Tembikai, Malaysia, 2023



14.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN BETIK

Tanaman betik melibatkan sebanyak 2,726 pegangan pertanian yang merangkumi 2,586 pegangan individu dan 140 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 3,066.0 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 76,817.8 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran betik telah menjana nilai jualan berjumlah RM120.44 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM127.52 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM59.54 juta.

Bagi prestasi negeri, Johor, Sabah, dan Pahang muncul sebagai tiga pengeluar utama betik di Malaysia. Johor mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 45,487.5 tan metrik, diikuti oleh Sabah dengan 10,942.8 tan metrik, dan Pahang sebanyak 4,433.1 tan metrik..



Di peringkat daerah pula, Batu Pahat, Johor merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 22,373.5 tan metrik, manakala daerah Muar, Johor dan Tawau, Sabah masing-masing mencatatkan 5,723.0 tan metrik dan 4,959.3 tan metrik. .

Paparan 41: Parameter Utama Tanaman Betik, Malaysia, 2023



15.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN RAMBUTAN

Tanaman rambutan melibatkan sebanyak 12,563 pegangan pertanian, merangkumi 12,475 pegangan pertanian individu dan 88 pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi keluasan, tanaman ini meliputi 15,976.9 hektar kawasan bertanam, dengan jumlah kuantiti pengeluaran yang direkodkan sebanyak 74,496.2 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran rambutan telah menjana nilai jualan berjumlah RM188.41 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM257.67 juta, berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM103.88 juta, yang menunjukkan prestasi ekonomi yang positif dan berdaya saing.

Dari segi prestasi negeri, Kedah, Sarawak dan Kelantan muncul sebagai tiga negeri pengeluar utama rambutan di Malaysia. Kedah mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 11,891.5 tan metrik, diikuti oleh Sarawak sebanyak 11,676.6 tan metrik dan Kelantan dengan 8,265.7 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Sik, Kedah merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu 3,371.0 tan metrik. Sementara itu, Jeli, Kelantan dan Batu Pahat, Johor masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 3,067.0 tan metrik dan 2,921.8 tan metrik.

Paparan 42: Parameter Utama Tanaman Rambutan, Malaysia, 2023



16.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN JAMBU BATU

Tanaman jambu batu melibatkan sebanyak 1,547 pegangan pertanian, merangkumi 1,373 pegangan pertanian individu dan 174 pegangan pertanian pertubuhan. Dari segi keluasan, tanaman ini meliputi 3,181.5 hektar kawasan bertanam, dengan jumlah kuantiti pengeluaran yang direkodkan sebanyak 60,454.6 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran jambu batu telah menjana nilai jualan berjumlah RM144.97 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM155.77 juta, berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM95.83 juta, yang menunjukkan prestasi ekonomi yang positif dan berdaya saing.

Dari segi prestasi negeri, Johor, Perak dan Sabah muncul sebagai tiga negeri pengeluar utama jambu batu di Malaysia. Johor mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 31,628.3 tan metrik, diikuti oleh Perak sebanyak 14,246.5 tan metrik dan Sabah dengan 3,731.6 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Tangkak, Johor merekodkan pengeluaran tertinggi iaitu 12,985.1 tan metrik. Sementara itu, Batu Pahat, Johor dan Batang Padang, Perak masing-masing mencatatkan pengeluaran sebanyak 9,727.7 tan metrik dan 5,045.4 tan metrik.

Paparan 43: Parameter Utama Tanaman Jambu Batu, Malaysia, 2023



17.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN NANGKA

Tanaman nangka melibatkan sebanyak 1,791 pegangan pertanian yang merangkumi 1,540 pegangan individu dan 251 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 8,266.1 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 50,826.6 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran nangka telah menjana nilai jualan berjumlah RM72.96 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM76.59 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM45.99 juta.

Bagi prestasi negeri, Negeri Sembilan, Johor, dan Pahang muncul sebagai tiga pengeluar utama nangka di Malaysia. Negeri Sembilan mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 14,711.7 tan metrik, diikuti oleh Johor dengan 14,198.0 tan metrik, dan Pahang sebanyak 9,165.6 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Batu Pahat, Johor merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 8,312.8 tan metrik, manakala daerah Seremban, Negeri Sembilan dan Temerloh, Pahang masing-masing mencatatkan 7,272.2 tan metrik dan 3,722.0 tan metrik.

Paparan 44: Parameter Utama Tanaman Nangka, Malaysia, 2023



18.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN BUAH NAGA

Tanaman buah naga melibatkan sebanyak 735 pegangan pertanian yang merangkumi 567 pegangan individu dan 168 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 2,144.7 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 50,628.5 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran buah naga telah menjana nilai jualan berjumlah RM150.57 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM162.96 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM78.58 juta.

Bagi prestasi negeri, Selangor, Johor, dan Negeri Sembilan muncul sebagai tiga pengeluar utama buah naga di Malaysia. Selangor mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 20,129.1 tan metrik, diikuti oleh Johor dengan 16,188.7 tan metrik, dan Negeri Sembilan sebanyak 7,159.6 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Sepang, Selangor merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 18,779.8 tan metrik, manakala daerah Batu Pahat, Johor dan Kluang, Johor masing-masing mencatatkan 7,506.2 tan metrik dan 5,222.4 tan metrik.

Paparan 45: Parameter Utama Tanaman Buah Naga, Malaysia, 2023



19.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN MANGGIS

Tanaman manggis melibatkan sebanyak 3,169 pegangan pertanian yang merangkumi 3,116 pegangan individu dan 53 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 3,131.6 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 39,891.2 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran manggis telah menjana nilai jualan berjumlah RM141.35 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM158.54 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM75.74 juta.

Bagi prestasi negeri, Kedah, Kelantan, dan Johor muncul sebagai tiga pengeluar utama manggis di Malaysia. Kedah mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 7,962.4 tan metrik, diikuti oleh Kelantan dengan 7,874.8 tan metrik, dan Johor sebanyak 7,009.9 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Yan, Kedah merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 3,592.8 tan metrik, manakala daerah Tangkak, Johor dan Kuala Krai, Kelantan masing-masing mencatatkan 2,588.5 tan metrik dan 2,029.9 tan metrik.

Paparan 46: Parameter Utama Tanaman Manggis, Malaysia, 2023



20.0 PARAMETER UTAMA TANAMAN CEMPEDAK

Tanaman cempedak melibatkan sebanyak 3,644 pegangan pertanian yang merangkumi 3,549 pegangan individu dan 95 pegangan pertubuhan. Dari segi keluasan, kawasan bertanam direkodkan seluas 5,264.3 hektar. Tempoh pelaporan menunjukkan sektor ini mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 29,753.6 tan metrik.


Dari perspektif ekonomi, aktiviti pemasaran cempedak telah menjana nilai jualan berjumlah RM85.33 juta. Sektor ini turut merekodkan pendapatan keseluruhan sebanyak RM90.07 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM42.48 juta.

Bagi prestasi negeri, Sarawak, Kedah, dan Sabah muncul sebagai tiga pengeluar utama cempedak di Malaysia. Sarawak mencatatkan pengeluaran tertinggi sebanyak 7,357.6 tan metrik, diikuti oleh Kedah dengan 5,030.7 tan metrik, dan Sabah sebanyak 4,985.5 tan metrik.



Di peringkat daerah pula, Yan, Kedah merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 1,798.7 tan metrik, manakala daerah Lawas, Sarawak dan Segamat, Johor masing-masing mencatatkan 1,505.0 tan metrik dan 1,175.5 tan metrik.

Paparan 47: Parameter Utama Tanaman Cempedak, Malaysia, 2023



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



RENCANA

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BUAH KITA, BEKALAN KITA: HASIL TEMPATAN UNTUK SEMUA

Khairul Izhar Lafasa Rais
Jabatan Pertanian

Setiap kali kita melangkah masuk ke pasar atau pasar raya, rak buah-buahan menjadi antara tempat paling awal yang menarik perhatian. Warna-warni epal, oren dan anggur tersusun kemas, manakala di bahagian lain, buah-buahan tempatan seperti pisang, betik, jambu batu dan tembikai menunggu untuk dipilih. Tanpa kita sedari, keputusan kecil di hadapan rak buah ini sebenarnya mencerminkan bagaimana kita melihat hasil tempatan dan sejauh mana ia menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian.

Malaysia bukan negara yang kekurangan buah-buahan. Dengan cuaca tropika sepanjang tahun, tanah yang subur dan kepelbagaian varieti, kita mampu menghasilkan buah dalam pelbagai bentuk, rasa dan musim. Namun begitu, realitinya buah tempatan sering dianggap sebagai pilihan bermusim atau pilihan sampingan, sedangkan buah import pula lebih kerap menjadi pilihan harian. Keadaan ini bukan kerana buah tempatan kurang berkualiti, tetapi kerana cara kita berinteraksi dengannya dalam kehidupan moden telah berubah.

Bagi kebanyakan rakyat, buah tempatan sangat dekat dengan kenangan dan identiti. Rasa manis mangga masak, aroma durian ketika musimnya, atau kesegaran rambutan yang baru dipetik adalah pengalaman yang sukar ditandingi. Namun, dalam rutin harian yang pantas, pengguna hari ini mencari sesuatu yang mudah, konsisten dan boleh dirancang. Buah yang senang disimpan, senang dimakan dan boleh dibeli pada bila-bila masa sering menjadi pilihan. Inilah cabaran sebenar yang dihadapi oleh buah tempatan, bukan dari segi rasa, tetapi dari segi kebiasaan dan kemudahan.

Apabila buah tempatan tidak sentiasa kelihatan di rak atau kualitinya tidak seragam, pengguna menjadi ragu-ragu. Mereka tidak menolak buah tempatan, sebaliknya mereka mencari kepastian. Mereka mahu buah yang segar, tidak cepat rosak dan berbaloi dengan harga yang dibayar. Dalam keadaan ini, buah import sering dilihat lebih “selamat” untuk dibeli, walaupun rasanya mungkin biasa. Pilihan ini adalah tindak balas logik terhadap gaya hidup semasa, bukan tanda kurangnya sokongan terhadap hasil tempatan.

Di sinilah pentingnya kita melihat buah-buahan tempatan sebagai bekalan, bukan sekadar hasil. Apabila buah tempatan dihasilkan, diurus dan dipasarkan dengan mengambil kira keperluan pengguna, ia berupaya menjadi sebahagian rutin harian rakyat. Buah seperti pisang, betik, nanas, jambu dan tembikai sebenarnya sesuai dimakan setiap hari, mudah disediakan dan bernilai dari segi pemakanan. Apabila buah-buahan ini tersedia secara konsisten dan mudah diperolehi, kebergantungan kepada buah import akan berkurang dengan sendirinya.

Menyokong buah tempatan juga membawa makna yang lebih luas daripada sekadar pilihan di pasar. Setiap buah yang dibeli menyumbang kepada kelangsungan petani tempatan, menggerakkan ekonomi setempat dan mengurangkan keperluan membawa masuk buah dari jarak yang jauh. Buah tempatan biasanya sampai ke tangan pengguna dalam tempoh yang lebih singkat, menjadikannya lebih segar dan sesuai dengan keperluan harian. Pada masa yang sama, rantai bekalan yang lebih pendek juga bermakna kesan terhadap alam sekitar dapat dikurangkan.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kesedaran terhadap pemakanan sihat dan gaya hidup lestari semakin meningkat. Buah-buahan tempatan berada pada kedudukan yang baik untuk memenuhi keperluan ini. Ia segar, mudah diperolehi dan sebahagian daripadanya ditanam dengan amalan yang lebih terkawal. Apabila pengguna mula melihat buah tempatan sebagai pilihan yang praktikal dan sihat, persepsi terhadapnya turut berubah. Buah tempatan tidak lagi dilihat sebagai pilihan kedua, tetapi sebagai pilihan yang masuk akal.

Pada masa yang sama, penanaman buah di peringkat rumah dan komuniti turut menyumbang kepada budaya menghargai hasil tempatan. Walaupun tidak semua orang mempunyai ruang untuk menanam, usaha kecil seperti ini membantu meningkatkan kefahaman tentang nilai buah dan proses penghasilannya. Ia juga mengingatkan kita bahawa buah bukan sekadar produk di rak, tetapi hasil usaha yang memerlukan masa, penjagaan dan kesabaran. Apabila kesedaran ini meningkat, penghargaan terhadap buah tempatan turut bertambah.

Bagi mereka yang telah mahir menanam buah-buahan, peluang untuk mengembangkan penanaman secara lebih teratur dan berskala juga wujud. Apabila pengalaman dan minat digabungkan dengan keperluan pasaran, penanaman buah boleh berkembang menjadi aktiviti yang memberi pulangan ekonomi. Usaha ini secara tidak langsung menyokong ketersediaan buah tempatan di pasaran dan mengukuhkan peranannya sebagai bekalan harian.

Akhirnya, persoalan tentang buah tempatan bukanlah soal kemampuan, tetapi soal kebiasaan. Malaysia mempunyai segala kelebihan untuk menjadikan buah-buahan tempatan sebagai sebahagian daripada kehidupan seharian rakyat. Apabila buah tempatan mudah diperolehi, berkualiti dan memenuhi keperluan pengguna, ia akan menjadi pilihan semula jadi tanpa perlu dipaksa. Inilah semangat di sebalik “Buah Kita, Bekalan Kita” — memastikan hasil tempatan benar-benar berfungsi sebagai bekalan untuk semua.

Menyokong buah tempatan bukan bermaksud menolak pilihan lain, tetapi membuat pilihan yang bijak dan seimbang. Dengan memilih buah tempatan dalam kehidupan seharian, kita menyokong petani, menjaga kesihatan dan menyumbang kepada sistem makanan yang lebih mampan. Dalam jangka panjang, pilihan kecil ini membantu memastikan bahawa buah-buahan yang tumbuh di tanah sendiri terus menjadi sebahagian daripada meja makan rakyat Malaysia.

Jadual 1: Cadangan Penggantian Import Buah-buahan: Import vs Alternatif Tempatan

Bil.	Buah Import	Negara Asal Utama	Fungsi Pemakanan Utama	Alternatif Buah Tempatan	Rasional Penggantian
1	Epal (Apple)	China, New Zealand	Serat, vitamin C, antioksidan	Jambu Batu, Betik, Belimbing, Mangga Muda	Jambu batu dan betik kaya serat serta vitamin C, mampu menggantikan fungsi kesihatan epal dalam diet harian.
2	Anggur (Grapes)	Australia, India	Antioksidan (resveratrol), gula semula jadi	Jambu Air, Delima, Belimbing Besi	Jambu air dan delima tempatan mempunyai kandungan antioksidan yang setara serta sesuai ditanam di iklim tropika.
3	Oren (Orange)	Afrika Selatan, Australia	Vitamin C tinggi	Limau Nipis, Limau Kasturi, Limau Bali, Limau Manis Tempatan	Varieti sitrus tempatan mempunyai keasidan dan kandungan vitamin C yang hampir sama serta lebih segar.
4	Pir (Pear)	China	Serat, vitamin C, hidrasi badan	Buah Naga, Betik, Jambu Batu	Buah naga dan betik bersifat menyegarkan, tinggi serat dan sesuai sebagai buah hidrasi gantian.
5	Kiwi	New Zealand	Vitamin C, antioksidan	Buah Naga Merah, Betik, Cempedak	Buah tropika ini kaya vitamin C dan karotenoid, sesuai dijadikan jus atau produk nilai tambah.
6	Beri (Blueberry / Strawberry)	Amerika Syarikat, Australia	Antioksidan tinggi	Mulberi, Roselle, Delima,	Roselle dan mulberi mengandungi anthocyanin tinggi dan berpotensi menggantikan beri import dalam industri minuman dan kesihatan.
7	Avokado	Mexico, Peru, Australia	Lemak sihat, vitamin E, kalium	Avokado tempatan	Avokado sesuai ditanam secara meluas serta berfungsi sama dalam minuman dan produk makanan
8	Markisa (Passion Fruit)	Vietnam, Australia	Vitamin C, serat, antioksidan	Markisa Tempatan, Limau Kasturi	Markisa dan belimbing tempatan sesuai ditanam secara meluas serta berfungsi sama dalam minuman dan produk berperisa masam-manis.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

MORFOLOGI DAN KEPENTINGAN EKONOMI BETIK DI MALAYSIA

Nurul Faqihah Zamri, Nurul Assidatul Liyana Md. Nazib, Nurul Zafirah Mat Kamil

Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografik, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengenalan

Pokok betik (*Carica papaya L.*) merupakan tumbuhan herba saka yang kekal sebagai antara komoditi buah-buahan tropika terpenting di Malaysia, terutamanya di negeri Johor, Sabah, dan Pahang yang menjadi pusat pengeluaran utama. Walaupun menghadapi cabaran penyakit seperti mati rosak (*dieback*), industri betik negara menunjukkan daya tahan dengan jumlah pengeluaran mencecah sekitar 96,299.69 tan metrik pada tahun 2024. Secara ekonomi, betik Malaysia terus mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa dengan Singapura kekal sebagai destinasi eksport utama, diikuti oleh negara-negara di Timur Tengah dan Eropah. Dengan amalan penanaman semula setiap tiga tahun bagi mengekalkan produktiviti, tanaman ini bukan sahaja penting untuk jaminan makanan domestik yang kaya dengan vitamin A dan C, malah menjadi penyumbang signifikan kepada nilai eksport agromakanan negara yang terus berkembang saban tahun (Jabatan Pertanian, 2024).

Ciri Morfologi Pokok Betik

Pokok betik merupakan tumbuhan herba besar yang mempunyai sistem akar tunggang yang berkembang secara meluas untuk menyerap air dan nutrien serta menyokong kestabilan pokok. Batangnya berbentuk silinder, tegak, tidak bercabang dan berongga, dengan kehadiran lateks putih pada tisu batang. Permukaan batang menunjukkan parut daun yang gugur apabila pokok matang. Daun betik pula bersaiz besar, berbentuk menjari (*palmately lobed*) dengan 5 hingga 9 cuping, bertangkai panjang dan tersusun secara spiral di bahagian atas batang, ciri yang membolehkan fotosintesis berlaku dengan lebih efisien (Ami & Candra, 2019; Koul et al., 2022).

Dari aspek pembiakan, pokok betik bersifat poligamus, menghasilkan bunga jantan, bunga betina dan bunga hermafrodit. Bunga jantan biasanya kecil dan tersusun dalam jambak panjang, manakala bunga betina lebih besar dengan ovari yang jelas dan berupaya berkembang menjadi buah selepas pendebungaan. Bunga hermafrodit pula mengandungi kedua-dua organ pembiakan dan sering menghasilkan buah yang seragam dari segi bentuk. Buah betik berbentuk bujur hingga bulat, berwarna hijau ketika muda dan bertukar kuning atau jingga apabila masak. Di dalam buah terdapat banyak biji kecil berwarna hitam yang diselaputi lapisan *sarcotesta* berlendir, yang memainkan peranan dalam pembiakan dan penyebaran benih (Wadekar, 2021; Koul et al., 2022).

Paparan 1: Ciri morfologi daun serta bunga betina dan bunga jantan bagi pokok betik (Jin, 2020)



(a) Daun



(b) Bungan betina



(c) Bunga jantan

Piawaian Kualiti dan Indeks Kematangan

Pemilihan kualiti betik untuk pasaran segar ditentukan melalui penilaian kebersihan, kesegaran, serta ketiadaan kecacatan fizikal mahupun kerosakan akibat perosak dan mekanikal. Berdasarkan piawaian dalam kajian Roslan Mohamad et al. (2020), buah yang dikelaskan sebagai berkualiti mestilah bebas daripada kotoran dan kecacatan rupa seperti "karpelod" bagi menjamin penampilan yang menarik serta jangka hayat yang lebih lama.

Tahap kematangan buah pula dinilai secara visual melalui perubahan warna kulit dan tekstur isi yang dibahagikan kepada enam (6) indeks utama. Keseragaman indeks dalam setiap pembungkusan adalah sangat kritikal bagi memastikan konsistensi kualiti, di mana pemilihan indeks semasa menuai biasanya bergantung kepada jarak pasaran dan keperluan tempoh pengangkutan (Mohamad, 2020).

Jadual 2: Indeks Tahap Kematangan Buah Betik berdasarkan Ciri-ciri Kulit dan Isi

INDEKS	TAHAP KEMATANGAN	CIRI-CIRI KULIT DAN ISI
1	Belum Matang 	Kulit hijau sepenuhnya. Isi keras, putih krim dengan sedikit merah.
2	Matang 	Kulit hijau dengan sedikit kuning. Isi agak keras, merah dengan lingkaran kuning kehijauan yang tebal.
3	Permulaan Masak 	Warna hijau melebihi kuning. Isi mula kurang padat, lingkaran kuning kehijauan yang nipis.
4	Masak 	Warna kuning melebihi hijau. Isi kurang padat, lingkaran kuning kehijauan yang sangat nipis.
5	Masak 	Seluruh kulit kuning dengan sedikit hijau. Isi lembut dan berwarna merah jingga.
6	Terlalu Masak 	Keseluruhan kulit kuning hingga kuning jingga. Isi sangat lembut dan berwarna merah jingga sepenuhnya.

Sumber: FAMA Standard, 2020

Kepentingan Betik dalam Pasaran

Sebagai salah satu buah tropika utama, betik memainkan peranan penting dalam pasaran pertanian tempatan dan global berikutan permintaan yang konsisten, kandungan pemakanan yang tinggi serta penggunaannya yang meluas dalam sektor makanan dan kesihatan. Berdasarkan data pasaran, nilai pasaran betik global dianggarkan mencecah sekitar USD 13.9 bilion pada tahun 2024 dan dijangka terus berkembang pada tahun-tahun berikutnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan kesedaran masyarakat terhadap gaya hidup sihat serta penggunaan platform e-dagang yang semakin meluas, sekali gus mencerminkan kepentingan betik yang kian meningkat dalam rantai bekalan makanan dan pembangunan produk berasaskan nilai tambah (Market Research Future, 2025). Tambahan pula, kualiti fizikal buah seperti saiz, warna kulit, tekstur isi dan tahap kematangan telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menentukan penerimaan pengguna dan harga komersial dalam pasaran segar dan eksport serta varieti dengan ciri visual dan rasa yang dikehendaki cenderung mendapat permintaan lebih tinggi dan nilai pasaran yang lebih baik di peringkat antarabangsa (Kumar, 2019).

Selari dengan itu, laporan oleh Dr. Roslina Ali et al. (2023) menunjukkan bahawa perdagangan global buah-buahan tropika mencatat prestasi yang memberangsangkan dengan nilai eksport yang tinggi dan trend peningkatan berterusan pada masa hadapan. Walaupun melibatkan pelbagai jenis buah tropika, perkembangan positif pasaran global ini turut memberi implikasi signifikan kepada komoditi betik, khususnya dari segi peluang dan potensi pengembangan pasaran eksport. Dalam konteks Malaysia, kultivar betik seperti *Carica papaya* L. 'Eksotika', yang dicirikan oleh saiz buah sederhana, isi berwarna jingga kemerahan serta rasa yang manis, telah mendapat penerimaan baik di pasaran antarabangsa kerana memenuhi standard kualiti dan keutamaan pengguna. Kejayaan penembusan pasaran ke negara seperti Singapura, Hong Kong, Belanda, negara-negara Timur Tengah dan Thailand menjadikan penanaman betik sebagai antara sektor pertanian yang berpotensi tinggi untuk menjana pendapatan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Sekeli et al., 2018; Mohd Azhari, 2024).

Ekonomi dan Pengeluaran Betik

Ciri morfologi buah betik, termasuk bentuk yang pelbagai, isi lembut dan berat isi yang tinggi, memberi kesan langsung kepada skala pengeluaran dan harga pasaran. Buah dengan morfologi yang baik memudahkan penuaian, pemprosesan dan pembungkusan, seterusnya meningkatkan kecekapan pengeluaran serta mengurangkan kerosakan semasa pengangkutan. Keadaan ini memberi impak positif terhadap harga jualan di pasaran domestik dan eksport.

Menurut Mohamad (2020), varieti komersial seperti Eksotika, Eksotika II dan Sekaki sesuai untuk pasaran domestik dan eksport, menunjukkan usaha kerajaan dalam memastikan piawaian kualiti buah dipenuhi. Betik ditanam secara monokultur atau tanaman selingan di negeri utama seperti Johor, Pahang dan Sabah, dengan pengeluaran yang stabil untuk memenuhi permintaan domestik dan luar negara (Jabatan Pertanian Malaysia, 2024). Morfologi betik, termasuk saiz isi, bukan sahaja penting untuk kualiti dan produktiviti, tetapi juga mempunyai implikasi ekonomi yang signifikan bagi pasaran domestik dan eksport.

Kesimpulan

Morfologi buah betik memainkan peranan penting dalam kejayaan pengeluaran produk berasaskan betik. Ketebalan isi yang ideal, biji yang kecil dan seragam, serta kulit yang melindungi buah semasa penuaian dan pengangkutan adalah faktor utama bagi menghasilkan produk berkualiti. Pemahaman ciri-ciri ini membolehkan pemilihan varieti berprestasi tinggi, penambahbaikan strategi penanaman, serta meningkatkan kecekapan pengeluaran dan nilai ekonomi dalam industri pemprosesan buah tempatan. Analisis morfologi membantu memperkemas pemprosesan dan memperkukuh daya saing produk di pasaran. Variasi buah dari segi bentuk, saiz, warna isi, dan tekstur sangat berkait dengan varieti dan kegunaan pasaran, menjadikan pengurusan morfologi betik penting untuk memastikan kualiti dan nilai ekonomi industri betik di Malaysia.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

- Ali, R., Ismail, I., Suhaimi, S., Harun, M. H., Abu Hassan¹, S. N., & Safari, S. (n.d.). Kajian Risiko Pasaran Komoditi Buah Tropika Utama bagi Perluasan Pasaran Negara Timur Tengah.
- Ami, M. S., & Candra, E. A. (2019). Identifikasi Tumbuhan dalam Masakan Tradisional Urap-Urap sebagai Materi Penyusunan Buku Referensi Taksonomi Tumbuhan. *Edubiotik: Jurnal Pendidikan, Biologi Dan Terapan*, 4(02), 83–92. <https://doi.org/10.33503/ebio.v4i02.490>
- Jabatan Pertanian Malaysia. (2024). Statistik Tanaman Buah-buahan. https://www.doa.gov.my/doa/resources/aktiviti_sumber/sumber_awam/penerbitan/statistik_tanaman/statistik_tanaman_buah_2024.pdf
- Jin, C. B. (2020). Betik Kontraseptif Semula Jadi. *Dewan Kosmik*, 5.
- Koul, B., Pudhuval, B., Sharma, C., Kumar, A., Sharma, V., Yadav, D., & Jin, J.-O. (2022). Carica Papaya L.: A Tropical Fruit with Benefits Beyond the Tropics. *Diversity*, 14(8), 683. <https://doi.org/10.3390/d14080683>
- Kumar, M. (2019). Value Chain Analysis of Fiji Fresh Papaya Export Markets. *Australasian Agribusiness Perspectives*, 22(11), 182–203.
- Market. (2025). Papaya Market. <https://www.marketresearchfuture.com/reports/papaya-market-22634>
- Mohamad, R., Sukri, A., Muthalib, A., Saiful, M., Baharudin, B., Muzakir, M., & Aminuddin, M. (2020). Standard Betik (Carica papaya L.). <https://www.fama.gov.my/documents/20143/548645/FS095-2020+BETIK.pdf/>
- Mohd Azhari, N. E. (2025). Menggali Potensi Tanaman Betik ke Arah Ekonomi Lestari. https://www.upm.edu.my/article/menggali_potensi_tanaman_betik_ke_arah_ekonomi_lestari-82216
- Sekeli, R., Hamid, M. H., Razak, R. A., Wee, C.-Y., & Ong-Abdullah, J. (2018). Malaysian Carica papaya L. var. Eksotika: Current Research Strategies Fronting Challenges. *Frontiers in Plant Science*, 9, 1380. <https://doi.org/10.3389/fpls.2018.01380>
- Wadekar, A. B., Nimbawar, M. G., Panchale, W. A., Gudalwar, B. R., Manwar, J. V., & Bakal, R. L. (2021). Morphology, Phytochemistry and Pharmacological Aspects of Carica Papaya, an Review. *GSC Biological and Pharmaceutical Sciences*, 14(03), 234–248. <https://doi.org/10.30574/gscbps.2021.14.3.0073>

MANGGA HARUMANIS: CABARAN PENGURUSAN LADANG DALAM KONTEKS SAINS, TEKNOLOGI DAN KELESTARIAN

Farizul Hafiz Kasim^{*1,2}, Ahmad Radi Wan Yaakub¹, Hafizah Johar¹, Muhammad Izzat Ridzuan¹, Lee Boon Beng^{1,2}, Amin Rukaini Mustafa¹, Mohd Asri Bin Yusoff³

¹Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 02600, Arau, Perlis, Malaysia

²Center of Excellence for Biomass Utilization, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), 02600, Arau, Perlis, Malaysia

³ Koperasi Pengusaha Harumanis Ya Chuping Perlis Berhad, Lot 4136, Kg. Baru Panggas, 02500 Chuping Perlis

*farizul@unimap.edu.my

1. Pengenalan

Harumanis merupakan ikon pertanian negeri Perlis dan merupakan varieti mangga premium yang paling bernilai di Malaysia. Mempunyai nilai ekonomi dan identiti geografi (GI) yang tinggi, keunikan Harumanis terletak pada profil aromanya yang kuat, nisbah gula kepada asid yang seimbang, serta tekstur isi yang halus. Faktor-faktor ini menjadikan Harumanis sebagai varieti premium dengan harga pasaran yang konsisten tinggi.

Walau bagaimanapun, penghasilan Harumanis yang berkualiti tinggi memerlukan pengurusan ladang yang sangat teliti. Tidak seperti varieti mangga lain, Harumanis amat sensitif terhadap perubahan persekitaran, terutamanya faktor iklim mikro, kelembapan tanah, status nutrien dan tekanan biotik. Justeru, cabaran pengurusan ladang Harumanis perlu difahami bukan sahaja dari sudut amalan pertanian, tetapi juga melalui pendekatan saintifik yang berasaskan fisiologi tanaman, sains tanah dan pengurusan sistem agroekologi.

2. Pengaruh Iklim dan Variabiliti Cuaca terhadap Pembungaan dan Pembentukan Buah

Fasa pembungaan merupakan peringkat paling kritikal dalam kitaran pengeluaran Harumanis. Kajian menunjukkan bahawa kejayaan induksi bunga dan pengekalan bunga sangat bergantung kepada tempoh tekanan kering yang mencukupi, diikuti oleh keadaan cuaca yang stabil dan kering. Hujan yang berlebihan semasa fasa pembungaan meningkatkan kelembapan relatif di sekitar kanopi, sekali gus mewujudkan persekitaran kondusif untuk perkembangan patogen kulat.

Perubahan iklim global telah menyebabkan corak hujan menjadi semakin tidak menentu, dengan kejadian hujan luar musim yang kerap. Keadaan ini mengganggu isyarat fisiologi pokok untuk berbunga, meningkatkan kadar keguguran bunga dan mengurangkan peratusan penghasilan buah. Dari sudut pengurusan ladang, cabaran ini menuntut penggunaan strategi

adaptasi seperti pengurusan air yang lebih terkawal, pemilihan tapak ladang yang sesuai serta pemantauan cuaca secara lebih sistematik [1].

Paparan 2: Pokok mangga Harumanis yang sedang berbunga di salah satu ladang di Perlis



3. Penyakit Bunga dan Buah

Serangan kulat merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada kerugian hasil Harumanis. Patogen seperti *Colletotrichum gloeosporioides* (antraknos) dan *Oidium mangiferae* (kulapuk tepung) sering menyerang tisu bunga dan buah muda, terutamanya dalam keadaan kelembapan tinggi [2].

Jangkitan pada peringkat awal pembungaan bukan sahaja mengurangkan bilangan bunga yang berfungsi, malah memberi kesan jangka panjang terhadap saiz dan kualiti buah. Penggunaan racun kulat secara berulang dengan bahan aktif yang sama boleh mempercepatkan pembentukan rintangan patogen, sekali gus mengurangkan keberkesanan kawalan kimia.

Oleh itu, pendekatan yang bersepadu menjadi semakin penting. Pendekatan ini menggabungkan pemantauan penyakit berasaskan simptom dan cuaca, pengurusan kanopi untuk pengudaraan yang lebih baik, putaran bahan aktif racun kulat serta penggunaan agen

biologi apabila sesuai. Strategi ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan kawalan penyakit, malah menyokong kelestarian alam sekitar [3].

Paparan 3: Putik mangga Harumanis (a) dan bunganya (b) yang sering menjadi sasaran serangan kulat



4. Peranan Sains Tanah dalam Pengurusan Ladang Harumanis

Kesuburan tanah merupakan asas kepada pertumbuhan vegetatif dan produktiviti pokok Harumanis. Parameter seperti tekstur tanah, pH, kandungan bahan organik, kelembapan tanah dan keupayaan pertukaran kation (*Cation Exchange Capacity*, CEC) mempengaruhi ketersediaan nutrien kepada sistem akar [4].

Tanah dengan CEC yang rendah, contohnya tanah berpasir, cenderung mengalami kehilangan nutrien melalui larut lesap, terutamanya nitrogen dan kalium. Sebaliknya, tanah dengan CEC yang lebih tinggi berupaya mengekalkan nutrien dengan lebih baik tetapi memerlukan pengurusan kelembapan yang sesuai untuk mengelakkan tekanan air. Justeru, strategi pembajaan yang seragam untuk semua ladang adalah tidak lagi relevan [5].

Pengurusan nutrien berasaskan analisis tanah dan daun membolehkan pembajaan disesuaikan mengikut keperluan sebenar pokok. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan penggunaan baja, malah mengurangkan kos input dan risiko pencemaran alam sekitar.

5. Kos Pengeluaran dan Cabaran Kelestarian Sosioekonomi

Dari sudut ekonomi, peningkatan kos baja, racun perosak, tenaga kerja dan infrastruktur ladang memberi tekanan besar kepada petani Harumanis, khususnya pengusaha kecil. Kebergantungan kepada input luaran tanpa peningkatan kecekapan pengurusan boleh menjejaskan daya tahan ekonomi ladang dalam jangka panjang.

Kelestarian industri Harumanis perlu dinilai bukan sahaja dari segi hasil dan keuntungan, tetapi juga keupayaan petani untuk mengekalkan operasi ladang secara konsisten. Pendekatan pengurusan yang lebih cekap, termasuk pengoptimuman input dan pengurangan pembaziran, menjadi elemen penting dalam memastikan kesejahteraan ekonomi komuniti petani.

6. Keperluan Pendekatan Teknologi dan Pertanian Berasaskan Data

Pengurusan ladang Harumanis pada era moden menuntut penggunaan teknologi dan data sebagai sokongan kepada pembuatan keputusan. Pemantauan kelembapan tanah, status nutrien dan kesihatan pokok secara berkala membolehkan intervensi dilakukan pada masa yang tepat dan berasaskan bukti.

Pendekatan pertanian berasaskan data juga membuka ruang kepada pembangunan sistem sokongan keputusan yang dapat membantu petani meramal risiko penyakit, menentukan jadual pembajaan dan mengoptimumkan penggunaan air. Walaupun cabaran dari segi kos dan kemahiran masih wujud, integrasi teknologi secara berperingkat berpotensi meningkatkan produktiviti dan kelestarian industri Harumanis secara keseluruhan.

Paparan 4: Buah Harumanis yang bebas jangkitan mempunyai harga yang tinggi di pasaran tempatan



7. Kesimpulan dan Hala Tuju Masa Hadapan

Cabaran pengurusan ladang Harumanis Perlis semakin kompleks dalam persekitaran pertanian yang dipengaruhi oleh perubahan iklim, tekanan biotik dan kekangan ekonomi. Pendekatan tradisional semata-mata tidak lagi mencukupi untuk menjamin pengeluaran yang konsisten dan berkualiti tinggi.

Integrasi ilmu sains tanaman, sains tanah, pemahaman tentang penyakit tumbuhan dan teknologi pertanian moden merupakan kunci kepada pengurusan ladang Harumanis yang lebih mampan. Kerjasama erat antara petani, penyelidik, agensi teknikal dan pihak industri amat diperlukan bagi membangunkan sistem pengurusan ladang yang berasaskan bukti, adaptif dan berdaya tahan. Dengan pendekatan ini, industri Harumanis Perlis berpotensi untuk terus berkembang sebagai penanda aras mangga premium negara serta menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan ekonomi petani tempatan.

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

Rujukan

- [1] Nor KNM, Abdul Fatah F, O'Donnell C. Determinants of technical efficiency of Harumanis mango production in Perlis, Malaysia. *Research on World Agricultural Economy*. 2024;5(4):367–386. doi:10.36956/rwae.v5i4.1239
- [2] Gining RAJM, Fauzi SSM, Yusoff NM, Razak TR, Ismail MH, Zaki NA, Abdullah F. Harumanis mango leaf disease recognition system using image processing technique. *Indonesian Journal of Electrical Engineering and Computer Science*. 2021;23(1):378–386. doi:10.11591/ijeecs.v23.i1.pp378-386
- [3] Ding P, Syakirah MN. Influence of fruit bagging on postharvest quality of 'Harumanis' mango (*Mangifera indica* L.). *Acta Horticulturae*. 2010; 877:169–174. doi:10.17660/ActaHortic.2010.877.15
- [4] Shahidin NM, Karim MAA, Pauzi SA, Rashid NFA, Kamarudin KN, Chuah TS. Spatial variability and distribution of soil nutrients at Harumanis mango farm during vegetative and flowering stages. *Malaysian Journal of Soil Science*. 2024;28:186–198.
- [5] Kamarudin KN, Abdul Rahman MH, Mohamad M, Abd Rashid NF, Shahidin NM, Roslan N, Khairun NM. Soil fertility status in relation to insidious fruit rot incidence at Harumanis mango orchard in Perlis: A case study. *Malaysian Journal of Soil Science*. 2023;27:45–55.



JADUAL

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agriculture Holding for Fruit Crops by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
Johor	12,320	95.9	526	4.1	12,846	100.0
Kedah	2,799	96.1	113	3.9	2,912	100.0
Kelantan	5,712	99.5	28	0.5	5,740	100.0
Melaka	1,114	89.5	131	10.5	1,245	100.0
Negeri Sembilan	2,844	93.5	198	6.5	3,042	100.0
Pahang	3,917	90.0	433	10.0	4,350	100.0
Perak	12,176	97.9	259	2.1	12,435	100.0
Perlis	2,914	98.8	36	1.2	2,950	100.0
Pulau Pinang	934	89.0	116	11.0	1,050	100.0
Sabah	13,802	99.8	27	0.2	13,829	100.0
Sarawak	9,484	99.1	86	0.9	9,570	100.0
Selangor	1,847	88.0	252	12.0	2,099	100.0
Terengganu	17,609	99.5	81	0.5	17,690	100.0
W.P. Kuala Lumpur	19	19.0	81	81.0	100	100.0
W.P. Labuan	221	97.8	5	2.2	226	100.0
W.P. Putrajaya	17	85.0	3	15.0	20	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023*Table 1.1: Agriculture Holding for Fruit Crops by Administrative District, Malaysia, 2023*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	87,729	97.4	2,375	2.6	90,104	100.0
Johor	12,320	95.9	526	4.1	12,846	100.0
Batu Pahat	767	90.4	81	9.6	848	100.0
Johor Bahru	462	92.8	36	7.2	498	100.0
Kluang	673	92.8	52	7.2	725	100.0
Kota Tinggi	255	79.4	66	20.6	321	100.0
Mersing	624	99.0	6	1.0	630	100.0
Muar	3,724	97.8	82	2.2	3,806	100.0
Pontian	1,567	99.2	13	0.8	1,580	100.0
Segamat	1,782	97.1	53	2.9	1,835	100.0
Kulai	1,053	95.6	48	4.4	1,101	100.0
Tangkak	1,413	94.1	89	5.9	1,502	100.0
Kedah	2,799	96.1	113	3.9	2,912	100.0
Baling	586	98.0	12	2.0	598	100.0
Bandar Baharu	115	95.0	6	5.0	121	100.0
Kota Setar	68	81.0	16	19.0	84	100.0
Kuala Muda	207	88.1	28	11.9	235	100.0
Kubang Pasu	227	96.6	8	3.4	235	100.0
Kulim	112	87.5	16	12.5	128	100.0
Langkawi	185	97.4	5	2.6	190	100.0
Padang Terap	275	98.9	3	1.1	278	100.0
Sik	639	99.1	6	0.9	645	100.0
Yan	233	99.1	2	0.9	235	100.0
Pendang	85	95.5	4	4.5	89	100.0
Pokok Sena	67	90.5	7	9.5	74	100.0
Kelantan	5,712	99.5	28	0.5	5,740	100.0
Bachok	826	99.6	3	0.4	829	100.0
Kota Bharu	658	99.5	3	0.5	661	100.0
Machang	477	99.4	3	0.6	480	100.0
Pasir Mas	259	99.2	2	0.8	261	100.0
Pasir Puteh	457	99.6	2	0.4	459	100.0
Tanah Merah	300	99.3	2	0.7	302	100.0
Tumpat	531	99.8	1	0.2	532	100.0
Gua Musang	384	98.2	7	1.8	391	100.0
Kuala Krai	1,025	99.9	1	0.1	1,026	100.0
Jeli	643	99.7	2	0.3	645	100.0
Kecil Lojing	152	98.7	2	1.3	154	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)*Table 1.1: Agriculture Holding for Fruit Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)*

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Melaka	1,114	89.5	131	10.5	1,245	100.0
Alor Gajah	351	90.7	36	9.3	387	100.0
Jasin	422	92.5	34	7.5	456	100.0
Melaka Tengah	341	84.8	61	15.2	402	100.0
Negeri Sembilan	2,844	93.5	198	6.5	3,042	100.0
Jelevu	1,298	97.6	32	2.4	1,330	100.0
Kuala Pilah	150	90.4	16	9.6	166	100.0
Port Dickson	341	95.3	17	4.7	358	100.0
Rembau	408	96.0	17	4.0	425	100.0
Seremban	464	88.2	62	11.8	526	100.0
Tampin	167	88.8	21	11.2	188	100.0
Jempol	16	32.7	33	67.3	49	100.0
Pahang	3,917	90.0	433	10.0	4,350	100.0
Bentong	431	76.8	130	23.2	561	100.0
Cameron Highlands	326	92.9	25	7.1	351	100.0
Jerantut	170	93.9	11	6.1	181	100.0
Kuantan	300	95.5	14	4.5	314	100.0
Lipis	281	90.4	30	9.6	311	100.0
Pekan	167	97.1	5	2.9	172	100.0
Raub	1,776	95.7	79	4.3	1,855	100.0
Temerloh	185	61.3	117	38.7	302	100.0
Rompin	78	91.8	7	8.2	85	100.0
Maran	109	94.8	6	5.2	115	100.0
Bera	94	91.3	9	8.7	103	100.0
Pulau Pinang	934	89.0	116	11.0	1,050	100.0
Seberang Perai Tengah	209	92.5	17	7.5	226	100.0
Seberang Perai Utara	71	81.6	16	18.4	87	100.0
Seberang Perai Selatan	199	86.9	30	13.1	229	100.0
Timur Laut	99	78.0	28	22.0	127	100.0
Barat Daya	356	93.4	25	6.6	381	100.0
Perak	12,176	97.9	259	2.1	12,435	100.0
Batang Padang	2,489	98.9	27	1.1	2,516	100.0
Manjung	969	97.4	26	2.6	995	100.0
Kinta	1,283	93.8	85	6.2	1,368	100.0
Kerian	135	90.6	14	9.4	149	100.0
Kuala Kangsar	1,575	98.9	17	1.1	1,592	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Fruit Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Larut Dan Matang	2,362	98.7	30	1.3	2,392	100.0
Hilir Perak	342	97.2	10	2.8	352	100.0
Hulu Perak	869	97.2	25	2.8	894	100.0
Perak Tengah	427	98.6	6	1.4	433	100.0
Kampar	842	99.5	4	0.5	846	100.0
Muallim	512	98.7	7	1.3	519	100.0
Bagan Datuk	91	95.8	4	4.2	95	100.0
Selama	280	98.6	4	1.4	284	100.0
Perlis	2,914	98.8	36	1.2	2,950	100.0
Selangor	1,847	88.0	252	12.0	2,099	100.0
Gombak	500	88.2	67	11.8	567	100.0
Klang	156	87.2	23	12.8	179	100.0
Kuala Langat	65	75.6	21	24.4	86	100.0
Kuala Selangor	132	94.3	8	5.7	140	100.0
Petaling	88	64.2	49	35.8	137	100.0
Sabak Bernam	261	94.9	14	5.1	275	100.0
Sepang	155	90.6	16	9.4	171	100.0
Ulu Langat	147	83.1	30	16.9	177	100.0
Ulu Selangor	343	93.5	24	6.5	367	100.0
Terengganu	17,609	99.5	81	0.5	17,690	100.0
Besut	1,535	99.6	6	0.4	1,541	100.0
Dungun	2,445	99.4	15	0.6	2,460	100.0
Kemaman	1,984	99.7	5	0.3	1,989	100.0
Kuala Terengganu	3,383	99.6	15	0.4	3,398	100.0
Marang	2,940	99.6	12	0.4	2,952	100.0
Hulu Terengganu	1,026	99.0	10	1.0	1,036	100.0
Setiu	1,186	99.2	10	0.8	1,196	100.0
Kuala Nerus	3,110	99.7	8	0.3	3,118	100.0
Sabah	13,802	99.8	27	0.2	13,829	100.0
Tawau	1,942	99.9	1	0.1	1,943	100.0
Lahad Datu	152	99.3	1	0.7	153	100.0
Semporna	236	100.0	-	-	236	100.0
Sandakan	365	99.5	2	0.5	367	100.0
Kinabatangan	188	100.0	-	-	188	100.0
Beluran	37	100.0	-	-	37	100.0
Kota Kinabalu	569	99.1	5	0.9	574	100.0
Ranau	1,721	99.9	1	0.1	1,722	100.0
Kota Belud	548	99.8	1	0.2	549	100.0
Tuaran	1,739	100.0	-	-	1,739	100.0
Penampang	209	98.1	4	1.9	213	100.0
Papar	431	100.0	-	-	431	100.0
Kudat	227	100.0	-	-	227	100.0
Kota Marudu	807	99.6	3	0.4	810	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Fruit Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pitas	109	100.0	-	-	109	100.0
Beaufort	685	100.0	-	-	685	100.0
Kuala Penyu	165	100.0	-	-	165	100.0
Sipitang	1,103	100.0	-	-	1,103	100.0
Tenom	770	99.7	2	0.3	772	100.0
Nabawan	75	100.0	-	-	75	100.0
Keningau	234	97.9	5	2.1	239	100.0
Tambunan	132	100.0	-	-	132	100.0
Kunak	136	100.0	-	-	136	100.0
Tongod	83	100.0	-	-	83	100.0
Putatan	112	98.2	2	1.8	114	100.0
Telupid	1	100.0	-	-	1	100.0
Kalabakan	389	100.0	-	-	389	100.0
Membakut	637	100.0	-	-	637	100.0
Sarawak	9,484	99.1	86	0.9	9,570	100.0
Kuching	627	98.6	9	1.4	636	100.0
Bau	112	97.4	3	2.6	115	100.0
Lundu	337	99.1	3	0.9	340	100.0
Samarahan	237	97.9	5	2.1	242	100.0
Serian	264	97.4	7	2.6	271	100.0
Simunjan	74	100.0	-	-	74	100.0
Sri Aman	204	100.0	-	-	204	100.0
Lubok Antu	65	100.0	-	-	65	100.0
Betong	112	99.1	1	0.9	113	100.0
Saratok	43	97.7	1	2.3	44	100.0
Sarikei	126	90.0	14	10.0	140	100.0
Maradong	128	98.5	2	1.5	130	100.0
Daro	207	99.5	1	0.5	208	100.0
Julau	58	100.0	-	-	58	100.0
Sibu	630	97.7	15	2.3	645	100.0
Dalat	96	100.0	-	-	96	100.0
Mukah	211	99.5	1	0.5	212	100.0
Kanowit	903	99.9	1	0.1	904	100.0
Bintulu	15	83.3	3	16.7	18	100.0
Tatau	91	100.0	-	-	91	100.0
Kapit	367	100.0	-	-	367	100.0
Song	365	100.0	-	-	365	100.0
Belaga	206	100.0	-	-	206	100.0
Miri	81	86.2	13	13.8	94	100.0
Marudi	7	100.0	-	-	7	100.0
Limbang	1,069	99.8	2	0.2	1,071	100.0
Lawas	926	99.9	1	0.1	927	100.0
Matu	94	100.0	-	-	94	100.0
Asajaya	270	99.6	1	0.4	271	100.0

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian bagi Tanaman Buah-buahan mengikut Daerah Pentadbiran, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 1.1: Agriculture Holding for Fruit Crops by Administrative District, Malaysia, 2023 (cont'd)

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Pakan	7	87.5	1	12.5	8	100.0
Selangau	165	100.0	-	-	165	100.0
Tebedu	91	100.0	-	-	91	100.0
Pusa	59	100.0	-	-	59	100.0
Kabong	15	93.8	1	6.3	16	100.0
Tanjung Manis	69	100.0	-	-	69	100.0
Sebauh	28	100.0	-	-	28	100.0
Bukit Mabong	15	100.0	-	-	15	100.0
Subis	522	100.0	-	-	522	100.0
Beluru	39	100.0	-	-	39	100.0
Telang Usan	8	100.0	-	-	8	100.0
Gedong	41	100.0	-	-	41	100.0
Sebuyau	182	100.0	-	-	182	100.0
Siburan	146	99.3	1	0.7	147	100.0
Pantu	120	100.0	-	-	120	100.0
Lingga	52	100.0	-	-	52	100.0
W.P. Kuala Lumpur	19	19.0	81	81.0	100	100.0
W.P. Labuan	221	97.8	5	2.2	226	100.0
W.P. Putrajaya	17	85.0	3	15.0	20	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State and administrative district refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023

Table 2.0: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Malaysia, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	86,386	98.5
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	1,343	1.5
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	74,461	84.9
	Perempuan <i>Female</i>	13,268	15.1
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	3,039	3.5
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	17,886	20.4
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	29,287	33.4
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	37,517	42.8
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	75,049	86.9
	Cina <i>Chinese</i>	10,023	11.6
	India <i>Indian</i>	758	0.9
	Lain-lain <i>Others</i>	556	0.6
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	6,938	7.9
	Berkahwin <i>Married</i>	65,877	75.1
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	13,701	15.6
	Berceraai <i>Divorced</i>	912	1.0
	Berpisah <i>Separated</i>	301	0.3

Jadual 2.0: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 2.0: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Malaysia, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	97	0.1
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	3,006	3.4
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	2,663	3.0
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	1,029	1.2
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	384	0.4
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	533	0.6
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	1,632	1.9
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	35,458	40.4
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	24,812	28.3
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	18,115	20.6

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**
1. Analisa pada Disember 2025
2.
*** Notes:**
1. Analysis as at December 2025
2.

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Johor, 2023

Table 2.1: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Johor, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	12,253	99.5
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	67	0.5
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	11,029	89.5
	Perempuan <i>Female</i>	1,291	10.5
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	506	4.1
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	2,758	22.4
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	4,427	35.9
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	4,629	37.6
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	8,773	71.6
	Cina <i>Chinese</i>	3,186	26.0
	India <i>Indian</i>	245	2.0
	Lain-lain <i>Others</i>	49	0.4
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	1,039	8.4
	Berkahwin <i>Married</i>	9,046	73.4
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	2,103	17.1
	Berceraai <i>Divorced</i>	102	0.8
	Berpisah <i>Separated</i>	30	0.2

Jadual 2.1: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Johor, 2023 (samb.)

Table 2.1: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Johor, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	19	0.2
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	453	3.7
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	496	4.0
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	226	1.8
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	86	0.7
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	86	0.7
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	260	2.1
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	7,178	58.3
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	2,180	17.7
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	1,336	10.8

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Kedah, 2023

Table 2.2: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Kedah, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	2,794	99.8
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	5	0.2
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	2,317	82.8
	Perempuan <i>Female</i>	482	17.2
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	41	1.5
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	420	15.0
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	938	33.5
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	1,400	50.0
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	2,591	92.7
	Cina <i>Chinese</i>	52	1.9
	India <i>Indian</i>	14	0.5
	Lain-lain <i>Others</i>	137	4.9
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	158	5.6
	Berkahwin <i>Married</i>	2,135	76.3
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	462	16.5
	Berceraai <i>Divorced</i>	40	1.4
	Berpisah <i>Separated</i>	4	0.1

Jadual 2.2: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Kedah, 2023 (samb.)

Table 2.2: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Kedah, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	6	0.2
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	115	4.1
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	77	2.8
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	18	0.6
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	15	0.5
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	18	0.6
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	63	2.3
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	933	33.3
Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) <i>Below the SPM/SPM (V) passing standard</i>	782	27.9
Tiada sijil <i>No Certificate</i>	772	27.6

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

Nota:

1. Negeri merujuk kepada lokasi tempat kediaman pegangan pertanian

Notes:

1. State refer to the location of agriculture holder's living quarters

Jadual 2.3: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Kelantan, 2023

Table 2.3: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Kelantan, 2023

Profil <i>Profile</i>		Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Warganegara <i>Citizenship</i>	Warganegara <i>Malaysian</i>	5,692	99.6
	Bukan Warganegara <i>Non Malaysian</i>	20	0.4
Jantina <i>Sex</i>	Lelaki <i>Male</i>	4,578	80.1
	Perempuan <i>Female</i>	1,134	19.9
Kumpulan Umur <i>Age Group</i>	15 – 30 tahun <i>15 – 30 years</i>	116	2.0
	31 – 45 tahun <i>31 – 45 years</i>	895	15.7
	46 – 59 tahun <i>46 – 59 years</i>	1,874	32.8
	60 tahun dan ke atas <i>60 years and above</i>	2,827	49.5
Kumpulan Etnik <i>Ethnic Group</i>	Bumiputera	5,473	96.2
	Cina <i>Chinese</i>	165	2.9
	India <i>Indian</i>	3	0.1
	Lain-lain <i>Others</i>	51	0.9
Taraf Perkahwinan <i>Marital Status</i>	Tidak pernah berkahwin <i>Never married</i>	253	4.4
	Berkahwin <i>Married</i>	4,319	75.6
	Balu/Duda <i>Widow/Widower</i>	1,077	18.9
	Berceraai <i>Divorced</i>	45	0.8
	Berpisah <i>Separated</i>	18	0.3

Jadual 2.3: Profil Pegangan Pertanian Individu bagi Tanaman Buah-buahan, Kelantan, 2023 (samb.)

Table 2.3: Individual Agriculture Holding Profile for Fruit Crops, Kelantan, 2023 (cont'd)

Profil <i>Profile</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Sijil Tertinggi Diperoleh <i>Highest Certificate Attained</i>		
Doktor Falsafah (PhD) <i>Doctor of Philosophy (PhD)</i>	7	0.1
Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana <i>Degree/ Advanced Diploma/ Masters</i>	259	4.5
Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf <i>Polytechnic/ University Diploma or equivalent</i>	155	2.7
Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)</i>	61	1.1
Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf <i>Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent</i>	17	0.3
Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) <i>Certificate of specialized or technical skills (TVET)</i>	19	0.3
STPM atau yang setaraf <i>Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent</i>	116	2.0
SPM/ SPM(V) atau yang setaraf <i>Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent</i>	2,256	39.5
